

**Bil. 28**

**Selasa  
21 Mei 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

## **KANDUNGAN**

### **PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Pelancaran Homepage Parlimen Malaysia dalam Internet [Ruangan 1]

### **USUL:**

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996—2000 [Ruangan 1]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI  
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI  
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.  
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN  
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.  
(Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benu).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARIIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).



- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah  
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Musalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 21 Mei, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN YANG  
DI-PERTUA

PELANCARAN HOME PAGE  
PARLIMEN MALAYSIA  
DALAM INTERNET

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa pada hari ini pukul 6.30 petang Dewan akan ditangguhkan buat sementara waktu bagi melancarkan Home Page Parlimen Malaysia dalam Internet. *(Tepuk)* Sebagaimana kita semua sedia maklum, beberapa perkembangan yang berlaku di dalam persidangan Parlimen termasuk perbahasan dalam Dewan ada disiarkan dalam media massa seperti akhbar, radio dan juga televisyen. Setelah terlancarnya Internet, maka sekarang kita telah boleh menyiarkan bahan-bahan ini melalui Internet pula.

Dengan adanya Internet kita telah memasuki era baru Revolusi Teknologi Maklumat. Sejarar dengan perkembangan ini, Parlimen Malaysia dengan bangganya menyatakan bahawa ia telah pun mempunyai home paganya sendiri dalam Internet. *(Tepuk)* Harapan kita ialah dengan

wujudnya rangkaian ini ia akan dapat menyebarkan maklumat mengenai Parlimen kepada rakyat jelata khususnya dan dunia luar amnya. Kita akan terus mengkaji teknologi baru dan akan mengguna pakai teknologi berkenaan jika perlu, umpamanya dengan memasukkan multimedia, menyambungkan rangkaian pengkomputeran Parlimen dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan sebagainya.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan wartawan media massa ke Coffee House Ahli-ahli Dewan Rakyat bagi Upacara Pelancaran Home Page Parlimen Malaysia dalam Internet pada jam 6.30 petang nanti. *(Tepuk)*

USUL

Rancangan Malaysia Ketujuh  
1996—2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

**menyedari** pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

**menyokong** kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

**melulus dan merestui** Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. (16hb Mei 1996)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipohon Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab.

2.36 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menjawab bersekali perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Saya juga ingin mengatur setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran sebagai menyempurnakan lagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Yang Berhormat dari Yan dan Parit Sulong membangkitkan mengenai

pendekatan yang diambil oleh kerajaan dalam merangka Rancangan Malaysia Ketujuh terutamanya dengan peranan Unit Perancang Ekonomi. Secara ringkas boleh saya maklumkan bahawa perancangan dan penyediaan ini mengambil masa yang agak lama, mengambil kira pandangan agensi dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh kerajaan-kerajaan negeri, mendapat maklumat tentang keberkesanan dan masalah pelaksanaan lima tahun sebelumnya dan oleh yang demikian, pendekatan yang kita buat itu agak demokratis juga.

Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan soal Malaysia yang dianggap oleh beliau masih ketinggalan di belakang negara-negara lain dengan memberi perbandingan negara-negara perindustrian baru. Yang Berhormat menyebut tentang pendapatan per kapita negara kita dengan merujuk kepada tahun 1996, angka-angka tersebut tidak tepat kerana pendapatan per kapita Malaysia pada 1995 sahaja pun sudah mencapai US\$3,908 manakala pendapatan per kapita pada nilai kuasa beli istilah yang sebenarnya pada tahun 1995 ialah US\$9,470.

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa sementara beberapa perbandingan petunjuk ekonomi adalah munasabah tetapi setiap negara mempunyai pengalaman, perkembangan dan cabaran, termasuk di Malaysia pendekatan kita lebih menyeluruh, lebih seimbang, lebih menekankan pembangunan luar bandar dan desa yang tidak diberikan penekanan di banyak negara-negara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, termasuk Singapura dan Hong Kong, bahkan Thailand dan beberapa negara lain disebut juga tidak dapat menyaingi kemajuan Malaysia dari segi keadilan sosial, pemerataan ekonomi, penekanan tentang kerohanian dan akhlak, pemeliharaan alam sekitar, pemerksaan budaya dan yang penting pada hemat

saya ialah tentang pembangunan agensi, wilayah dan negeri-negeri.

Berbeza daripada Yang Berhormat dari Tanjong yang mahukan kadar pertumbuhan negara dipercepatkan, Yang Berhormat dari Keningau menimbulkan kebimbangan tentang overheating. Kita telah menyebut perkara ini berulang kali dan menjawab di sidang ini bahawa langkah-langkah telah diambil untuk menangani masalah tersebut, termasuk pengurusan ekonomi makro yang mahu mempertahankan ekonomi yang relatif tinggi tetapi mempertahankan kestabilan harga. Antaranya ialah dengan meningkatkan sumbangan produktiviti faktor keseluruhan (*total factor productivity*) selaras dengan kekurangan tenaga buruh yang dihadapi masa kini dan perkembangan ekonomi yang terlalu bergantung kepada pelaburan.

Hal ini berkaitan juga dengan defisit akaun semasa yang diberi perhatian termasuk penegasan yang dibuat oleh Perdana Menteri dalam ucapan beliau dan juga tumpuan keseluruhan dalam strategi menangani masalah defisit akaun perkhidmatan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Sandakan telah menyentuh isu pembangunan negeri-negeri. Sementara kita akui perbezaan yang nyata, kita harus akui bahawa peruntukan pembangunan dan kemajuan taraf sosio ekonomi penduduk negeri-negeri termasuk kawasan-kawasan kurang maju di koridor timur Semenanjung dan Sabah dan Sarawak diberikan perhatian.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan bagi Sabah dan Sarawak ditingkatkan kepada RM4,455 juta, 6.7% dari jumlah peruntukan bagi negeri Sabah dan RM4,548 juta atau 6.7% dari jumlah peruntukan bagi negeri Sarawak. Ini tidak termasuk peruntukan bertindih pelbagai negeri RM24.829 juta

yang bertujuan memanfaatkan seluruh negara.

Taraf hidup penduduk Sabah dan Sarawak telah meningkat dengan ketara dan kadar kemiskinan turun. Sabah mencatat kadar kemiskinan 26.4% pada tahun 1995 berbanding dengan 58.3% pada tahun 1976. Di Sarawak kadar kemiskinan pada tahun-tahun yang sama ialah 10% berbanding dengan 56.5% pada tahun 1976.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah menyentuh tentang persoalan kemiskinan dan kita akan teruskan dan saya percaya kalau kita teliti Bab 3 Rancangan Malaysia Ketujuh, rancangan lebih teliti memang diberikan penjelasan dan penekanan. Konsep kemiskinan di Malaysia adalah kemiskinan mutlak dan penentuan sama ada seseorang isirumah itu miskin atau sebaliknya berasaskan kepada satu peringkat perbelanjaan minimum atau pendapatan garis kemiskinan, 'poverty line income PGK'. Tiga komponen utama yang diberikan perhatian ialah makanan, pakaian dan perbelanjaan. Paras PGK di kemas kini setiap tahun dengan menggunakan indeks harga pengguna bagi mencerminkan perubahan harga.

Saya jelaskan hal ini kerana ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memperincikan paras ini dan juga indeks yang digunakan. Pada tahun 1995 PGK yang digunakan ialah RM425 sebulan se isirumah dengan saiz purata seramai 4.6 orang di Semenanjung, RM601 sebulan bagi saiz isirumah seramai 4.9 orang di Sabah dan RM516 sebulan bagi saiz isirumah seramai 4.8 orang di Sarawak. PGK bagi tahun 1995 adalah 11% hingga 15% lebih tinggi daripada PGK untuk tahun 1990. Ini bermakna PGK untuk golongan termiskin ialah RM212 di Semenanjung, RM300 di Sabah, RM258 di Sarawak. Mengenai PGK yang berasingan untuk kawasan bandar dan luar bandar, kerajaan akan mengambil

maklum perkara tersebut dan bersedia untuk mengkaji perbezaan sebenar, kos hidup bagi kedua-dua kawasan tersebut.

Perkara ini juga menyentuh tentang beberapa rancangan termasuk Program PPRT dan Program Pembangunan Luar Bandar yang saya percaya akan disentuh oleh Ahli Yang Berhormat rakan saya menteri yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru membangkitkan mengenai ketidaksamaan pendapatan yang didapati meningkat sedikit dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, yang kita perjuangkan ialah persamaan peluang dan keadilan sosial, bukannya persamaan pendapatan. Persamaan pendapatan pada hemat kerajaan tidak mungkin dicapai. Pendapatan di kalangan rakyat tetap berbeza, yang harus diutamakan oleh pihak kerajaan dan pemerintah ialah menentukan peluang yang secukupnya kepada semua rakyat dan mempertahankan prinsip keadilan sosial termasuk membasmi kemiskinan, menyediakan peluang untuk peralihan sosial atau social mobility dan peluang yang saksama dalam perniagaan dan industri. Sebenarnya, kedudukan ekonomi untuk semua lapisan masyarakat meningkat dalam tempoh RMK-6. Sebagai contoh, kadar pertumbuhan pendapatan bagi kumpulan 40% terendah ialah 8.1% setahun dalam tempoh RMK-6 berbanding dengan hanya 3.9% dalam tempoh 1985-1990.

Begitu juga dengan isirumah di luar bandar. Dalam tempoh rancangan, pendapatan purata meningkat dengan kadar 5.3% setahun jauh lebih tinggi daripada kadar 2.5% yang dicapai dalam tempoh 1985-1990. Pertumbuhan pendapatan purata bagi bumiputera juga mengalami arah aliran yang sama di mana kadar pertumbuhannya dalam tempoh rancangan adalah lebih tinggi dari tempoh sebelumnya.

Ini tidak akan menyebabkan kita leka kerana langkah-langkah tambahan memang dikenal pasti untuk ditingkat dan dilaksanakan dalam tempoh RMK-7. Bagi mengurangkan kesan peningkatan ketidaksamaan pendapatan, kerajaan akan memperluas liputan dan memperbaiki kualiti perkhidmatan awam seperti pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas lainnya termasuk memastikan bayaran perkhidmatan oleh golongan berpendapatan rendah adalah pada kadar dan tahap minimum.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan persoalan hak milik ekuiti korporat bumiputera. Antara tujuan asal penswastaan adalah untuk menjayakan prinsip keadilan dalam pemilikan ekuiti korporat. Unit Perancang Ekonomi akan melaksanakan satu garis panduan untuk menjayakan cita-cita tersebut.

Di samping itu, pengemblengan tabungan bumiputera juga akan dipertingkatkan menerusi peranan agensi amanah seperti Amanah Saham Bumiputera, ASN, Skim Amanah Saham Negeri serta institusi dan badan berasaskan Islam seperti Lembaga Tabung Haji, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam dan Baitulmal.

Ekuiti korporat yang dipegang oleh kumpulan etnik India memang rendah dibandingkan dengan pegangan kumpulan etnik lain. Tetapi dilihat dari segi kadar peningkatan, ternyata kumpulan etnik India telah berjaya mencatat kadar pertumbuhan dalam jumlah pegangan ekuiti mereka melebihi sekali ganda iaitu RM1.1 bilion pada tahun 1990 kepada RM2.7 bilion pada tahun 1995. Peningkatan ini ialah pada kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 20.6% berbanding dengan kadar pertumbuhan purata bagi semua kaum sebanyak 10.7% sahaja.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat mendakwa bahawa rancangan

pembangunan yang dibentangkan tidak mementingkan nilai Islam, saya ingin menjelaskan bahawa jika dirumuskan dari perspektif Islam semangat yang mendasari RMK-7 tidak lain dari menjayakan prinsip Al'ad walihsan. Kita tidak mahu mudah terikat dengan label dan slogan. Program seperti pembasmian kemiskinan, membela golongan daif, mengukuhkan institusi keluarga, meningkatkan daya saing dan lain-lain adalah sebagai wasillah untuk menjayakan prinsip Al'ad walihsan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah dan Sungai Benut telah menyentuh tentang penswastaan termasuk juga penekanan diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong yang mencadangkan agar ditubuh dana dari sebahagian hasil penswastaan atau meminta syarikat yang berjaya mendapat konsesi penswastaan mengambil negeri atau daerah tertentu sebagai anak angkat dengan melaksanakan projek-projek kemudahan asas. Pihak kerajaan akan meneliti secara mendalam syor tersebut dan akan dilaksanakan sewajarnya sekiranya didapati sesuai.

Saya juga ingin menegaskan keperluan pihak syarikat yang berjaya mendapat konsesi penswastaan melaksanakan tanggungjawab sosial termasuk kepada masyarakat desa. Kita telah meminta badan-badan yang telah diswastakan seperti TNB, Telekom menjalankan program tanggungjawab sosial seperti latihan termasuk mendirikan kolej dan universiti, penyelidikan, skim bantuan anak-anak pekerja, perumahan pekerja dan mereka telah menyambut baik saranan tersebut. TNB telah menyediakan bekalan elektrik ke luar bandar yang tidak berdaya maju seperti salah satu tanggungjawab sosial dengan menggunakan prinsip subsidi silang.

Syarikat Telekom juga telah menyediakan kemudahan telefon ke kawasan luar bandar yang tidak berdaya maju. Oleh yang demikian, sudah tiba

masanya badan korporat yang mendapat konsesi penswastaan tidak hanya mencanangkan keuntungan yang besar tetapi turut melaksanakan program tanggungjawab sosial yang bermakna. Mereka juga perlu melaksanakan tanggungjawab pengagihan. Pengagihan bukan semata-mata tanggungjawab kerajaan, bahkan juga tugas sektor swasta terutama mereka yang telah diberikan peluang untuk menjayakan program raksasa. Mereka perlu mengagihkan projek dengan saksama dan tidak membolotnya dengan menggunakan anak-anak syarikat sendiri ditubuh untuk menjalankan kegiatan dan dengan demikian menafikan peluang bagi peniaga-peniaga yang lain.

Kerajaan prihatin dengan pelbagai kritikan yang ditujukan kepada isu-isu sekitar penswastaan. Secara prinsipnya penswastaan adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pengguna dan menggalakkan persaingan. Namun kita harus insaf bahawa kadar bayaran yang dikenakan semasa perkhidmatan berkenaan disediakan oleh kerajaan adalah tidak berasaskan kepada kedudukan kos sebenar. Sebaliknya, sebaik sahaja sesuatu entiti kerajaan diswastakan pihak swasta akan mengenakan bayaran berasaskan, dengan izin, full costing dan ini bermakna pihak yang menggunakan perkhidmatan tersebut perlu menanggungnya. Kerajaan akan memastikan bahawa pihak syarikat tidak akan mengenakan harga perkhidmatan mengikut kehendak mereka. Sebarang kenaikan dalam harga perkhidmatan perlu mendapat kelulusan kerajaan.

Mengenai harga jualan elektrik daripada Bakun, Ekran kepada TNB yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, saya ingin menjelaskan bahawa ianya masih belum dimuktamadkan. Berhubung dengan cadangan supaya satu badan penyemak penswastaan ditubuh untuk mewakili kepentingan pengguna dalam menentukan harga elektrik daripada

Bakun kepada TNB adalah dimaklumkan bahawa walaupun kontrak jual beli adalah ditandatangani di antara Bakun Hydroelectric Corporation dan TNB, kerajaan melalui jawatankuasa penswastaaan yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi dan dianggotai oleh lain-lain kementerian bertindak sebagai badan pengawas untuk menentukan bahawa syarat-syarat yang dipersetujui di antara kedua-dua pihak termasuk harga tidak akan membebankan pengguna.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kepentingan orang ramai dalam perkara tariff yang akan ditentukan dalam penjualan electricity yang akan dilaksanakan oleh Bakun, adakah kerajaan menimbang untuk membolehkan perwakilan pengguna-pengguna ambil bahagian dalam proses 'decision making' atau memberi perakuan-perakuan selepas boleh dapat semua data-data yang perlu sebelum satu keputusan muktamad dibuat oleh pihak kerajaan supaya kepentingan pengguna-pengguna sebenarnya boleh diwakili.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ini adalah mewakili kepentingan rakyat, (*Ketawa*) jadi soal pengguna mengemukakan pandangan kita akan teliti, kita tidak akan terikat dan terdesak oleh kepentingan syarikat semata, kita akan teliti dengan adil dan kita akan kemukakan cadangan balas kerana nampaknya perundingan di antara TNB dan syarikat berkenaan menghadapi kebuntuan sedikit.

Mengenai langkah mengswastakan beberapa kemudahan kesihatan, yang ini Menteri yang berkenaan akan jawab.....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**... jadi boleh rujuk kepadanya. Saya ada isu lain yang agak.....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyampuk*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu tariff, bukan mengenai projek Bakun, tariff Bakun yang melibatkan polisi keseluruhan....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Bila saya jawab dia kata belum muktamad, takkan Parlimen hendak bincang harga sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, itu proses. Bukan harga, saya tidak menetapkan satu angka apa yang patut menjadikan harga penjualan electricity Bakun tetapi adakah oleh kerana nampaknya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menolak cadangan bahawa sebelum keputusan dibuat, perwakilan pengguna diberi peluang untuk mengambil bahagian, bolehkah kerajaan menimbang, sebelum keputusan dibuat mengenai harga yang muktamad bahawa cadangan itu diumumkan supaya persatuan-persatuan atau perwakilan pengguna mempunyai peluang untuk memberi pandangan dengan angka-angka, data-data yang perlu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pun berdasarkan maklumat yang diperolehi ada kesatuan-kesatuan pengguna telah mengemukakan pandangan dan pandangan diteliti tetapi selain daripada sandiwara politik biasa, saya fikir tidak masuk akal bagi mana-mana perjanjian harga mesti diputuskan cara umum dan meluas oleh orang ramai dan ini tidak akan berlaku di mana-mana syarikat, di mana-mana jabatan. Tidak tahulah, melainkan DAP ada formula baru. Tetapi setakat yang saya tahu, yang boleh kita buat ialah mendengar pandangan orang ramai sebelum keputusan dibuat tetapi proses ini memang berlaku dan sebab itu saya katakan belum ada muktamad.



Badan-badan bukan kerajaan baru-baru ini melahirkan kebimbangan, takut-takut pihak kerajaan terdesak, terpaksa untuk menerima harga yang ditetapkan. Saya jawab, kita tidak terdesak dan tidak terpaksa, kita sedang teliti dan bila sampai pada waktunya, kita akan umumkan.

Begitu juga tentang cadangan menswastakan beberapa kemudahan kerajaan, ia harus bertujuan meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan yang disediakan. Kekurangan tenaga akibat persaraan awal atau peletakan jawatan untuk bekerja di sektor swasta telah menjejaskan perkhidmatan kesihatan di sektor awam, jadi dengan penswastaan kerajaan mengharapkan agar sebahagian daripada pegawai-pegawai dan kakitangan dapat dikekalkan dalam entiti yang diswastakan dan sebahagian daripada perkara ini disentuh dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menekankan bahawa perlu hospital swasta dan institusi yang menswastakan atau mewujudkan kemudahan kesihatan swasta mengambil kira tanggungjawab menyediakan kemudahan yang agak murah kepada pesakit-pesakit.

Sebagai contoh, dalam tahun 1992-1995, kerajaan sendiri telah memberikan subsidi sebanyak RM140.4 juta kepada golongan berpendapatan rendah dan anggota perkhidmatan awam untuk menikmati kemudahan rawatan jantung di Institut Jantung Negara.

Mengenai kebimbangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian berikutan penswastaan dan pengkorporatan UDA, SIRIM dan dibuktikan lain-lain agensi kelak, yang dalam jangka panjangnya akan merugikan bumiputera, sukalah saya menjelaskan bahawa aspek tersebut di ambil kira dalam mengkorporat atau menswastakan sesuatu institusi terutama untuk menjaga dan memelihara kepentingan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kubang Kerian dan Kota Melaka telah menyentuh isu Perwaja. Dalam ucapan penggulungan ke atas Titah DiRaja pada 8hb April yang lalu, saya menyatakan bahawa keterangan dan penjelasan dan laporan umum akan saya kemukakan sebaik sahaja Syarikat Price Waterhouse menyiapkan laporan. Kita tidak berhasrat untuk melambatkan atau menangguhkan pembentangan laporan kajian ke atas Perwaja. Pengauditan tentunya mengambil masa kerana Syarikat Price Waterhouse mengambil masa untuk meneliti secara terperinci kesemua dokumen syarikat yang mereka perolehi berasaskan laporan awal yang menunjukkan adanya unsur-unsur penyelewengan tetapi belum dapat dibuktikan sepenuhnya.

Syarikat Price Waterhouse diberikan tugas untuk memberi tumpuan dan penelitian kepada pengurusan organisasi secara menyeluruh, masalah kewangan serta membuat cadangan bagi memulihkan syarikat supaya operasi tidak tergendala dan juga agar pengauditan dibuat berdasarkan kepada keadaan sekarang serta merujuk kepada laporan audit kewangan yang disediakan sebelumnya oleh Coopers and Lybrands dan laporan pihak pengurusan.

Sukacita saya makluman di sini bahawa Syarikat Price Waterhouse telah melaksanakan tugas-tugas berikut dan saya akan umumkan keterangan-keterangan pokok dalam laporan tersebut sekarang.

Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 22 April 1982. Pemegang saham pada ketika itu ialah Hicom (51%), Konsortium Jepun (30%) dan Kerajaan Negeri Terengganu (19%).

PTSB mula beroperasi pada bulan Mei 1985 menerusi kilang direct reduction. Pada awal 1987, kilang tersebut telah

mengalami masalah dan terpaksa ditutup. Dalam bulan Mei 1988, Yang Berbahgia Tan Sri Eric Chia telah dilantik sebagai Pengarah Urusan. Dalam tahun 1989, kepentingan ekuiti Hicom Berhad dan Konsortium Jepun dalam PTSB telah dipindahkan kepada Menteri Kewangan diperbadankan. PTSB telah disusun semula pada tahun 1990 dengan semua hutang diletak di bawah PTSB, manakala harta dan operasi PTSB dipindahkan kepada Perwaja Steel Sdn. Bhd. (PSSB).

Dengan itu, PTSB menjadi sebuah syarikat pegangan pelaburan. Dalam tahun 1981, Perwaja telah membina dua kilang direct reduction yang baru di Kemaman, Terengganu dan satu rolling mills di Gurun, Kedah. Pengeluaran billets dan scraps diteruskan di bawah PSSB dari tahun 1990 hingga 1994 apabila dua kilang direct reduction mula beroperasi.

Dalam tahun 1993, Perwaja telah membina section mills di Gurun, Kedah dan kemudahan pembuatan besi di Kemaman, Terengganu untuk membuat section mills. Pembinaan ini telah siap dan dijangka beroperasi pada bulan Julai 1996. Dalam tahun 1995, Perwaja telah membina bangunan baru di Shah Alam untuk dijadikan ibu pejabatnya.

Perwaja telah beroperasi menerusi 4 anak syarikatnya. Perwaja Steel Sdn. Bhd., Perwaja Rolling Mills and Development Sdn. Bhd., Perwaja Holis Sdn. Bhd. dan Perwaja Realty and Development Sdn. Bhd. PTSB pula memiliki 2 syarikat subsidiari iaitu Perwaja Industry Sdn. Bhd. dan Perwaja Manufacturing Sdn. Bhd. Kedua-dua syarikat ini adalah anak syarikat pegangan harta. PTSB juga memiliki 14 syarikat subsidiari yang lain, tetapi kesemuanya adalah syarikat doman.

Dalam bulan Jun, 1995, PTSB telah menjual ekuitinya dalam PSSB sebanyak 5% kepada Etochu Corporation Limited. Setakat 31 Disember 1995, penglibatan

kerajaan dalam Perwaja melebihi dari RM5 bilion yang terdiri dari suntikan ekuiti RM853 juta, pendahuluan kepada Perwaja RM1.219 bilion dan tanggungan yang berupa jaminan ke atas pinjaman Perwaja RM3.187 bilion.

Berdasarkan akaun pengurusan Perwaja yang belum diaudit setakat 31 Disember 1995 menunjukkan Kumpulan Perwaja berada dalam keadaan insolvent—ketidakupayaan pembayar hutang. Kumpulan Perwaja telah dibebankan hutang dengan keadaan berikut:

- (i) Tanggungan semasa (current liabilities) bersih berjumlah RM926 juta;
- (ii) tanggungan jangka panjang (long term liabilities) berjumlah RM6.013 bilion; dan
- (iii) kerugian terkumpul (accumulated losses) sebanyak RM2.985 bilion yang menyebabkan dana pemegang saham Kumpulan Perwaja kekurangan atau negative shareholders fund, dengan izin, berjumlah RM1.884 bilion.

Dari jumlah RM6.013 bilion tanggungan jangka panjang di atas, sebanyak RM2.125 bilion merupakan pinjaman dalam mata wang asing. Jumlah tersebut tidak termasuk pinjaman dalam mata wang Yen bernilai RM1.245 bilion yang telah dibiayai semula dengan mata wang ringgit.

Kerugian terkumpul kumpulan berjumlah RM2.985 bilion boleh dibahagikan kepada:

- (i) kerugian operasi sebanyak RM607 juta (20%)
- (ii) kos kewangan bersih sebanyak RM1.416 bilion (47% termasuk RM562 juta untuk faedah atas hutang Perwaja Terengganu).

- (iii) kerugian pertukaran matawang asing sebanyak RM910 juta (31%); dan
- (iv) lain-lain kerugian sebanyak RM52 juta (2%).

Ini menunjukkan 78% daripada kerugian terkumpul disebabkan oleh kos kewangan dan kerugian pertukaran mata wang asing. Nisbah hutang kepada ekuiti ialah 6.9 kali. Kumpulan telah mengembangkan perniagaannya dengan menambah kemudahan pinjaman perkilangan baru bernilai RM4.812 bilion. Penambahan kemudahan dibiayai dari pinjaman yang didapati membebaskan kedudukan kewangan Perwaja kerana bayaran faedah yang tinggi.

Di samping itu, kerugian pertukaran mata wang asing berjumlah RM910 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh turun naik nilai Yen, manakala kerugian operasi berlaku dalam semua keluarannya kecuali direct reduction iron yang dikeluarkan untuk penggunaan dalaman.

Berdasarkan kos pengeluaran semasa, didapati kos tersebut lebih tinggi daripada harga jualannya. Kumpulan akan terus mengalami kerugian kasar operasi walaupun kos kewangan dan kos susut nilai tidak diambil kira. Kajian Price Waterhouse juga berpendapat faktor-faktor menyebabkan kerugian ialah tiadanya kawalan pengurusan seperti penyediaan belanjawan kewangan menilai prestasi dan sistem sebut harga untuk mendapatkan kontrak bekalan bagi penggunaan serta peraturan pemberian kontrak perbelanjaan modal.

Laporan Price Waterhouse juga mendedahkan Lembaga Pengarah tidak diberikan peranan dalam hal-hal operasi dan perniagaan Kumpulan. Penyertaan mereka dalam pengurusan adalah terhad. Ini dapat disahkan dengan:

- (i) tiadanya bukti yang menunjukkan Lembaga Pengarah dilibat atau dirujuk di dalam menilai dan meluluskan perbelanjaan modal dan lain-lain kontrak bekalan dan perkhidmatan yang penting sebelum kontrak tersebut dilaksanakan. Mengikut amalan-nya, pengurusan menawarkan kontrak terlebih dahulu sebelum mendapat pengesahan Lembaga;
- (ii) tiada bukti belanjawan dan rancangan perniagaan Kumpulan dibentang kepada Lembaga;
- (iii) tiadanya pembentukan dasar atau polisi dan garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga untuk mengawal tindakan pihak pengurusan;
- (iv) tiada Jawatankuasa Kecil Lembaga yang dibentuk untuk mengawasi aspek operasi Kumpulan, kecuali Jawatankuasa Tender yang hanya ditubuhkan pada bulan Julai 1993 dan Jawatankuasa Audit pada bulan Disember 1995; dan
- (v) terdapat beberapa kontrak tidak dikemukakan kepada Lembaga untuk kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Price Waterhouse telah melaporkan terdapat urusan dan amalan syarikat yang penting tidak dilaksanakan dengan betul. Tiadanya bukti-bukti menunjukkan tender dipanggil terlebih dahulu sebelum kontrak ditawarkan. Kontrak telah ditawarkan dan dimulakan terlebih dahulu sebelum mendapat kelulusan dan pengesahan Lembaga.

Pemberian kontrak tempatan berjumlah RM957 juta kepada Kumpulan Mah Sun Enterprise dan syarikat-syarikat berkaitan dengan Dato' Kok Mah Sun dan Ng Kim Lim tergolong dalam kategori ini. Daripada nilai RM957 juta didapati sebanyak

RM296 juta telah dilulus terus kepada Pengarah Urusan mengikut kuasa yang diberikan kepadanya. Namun begitu, Price Waterhouse mendapati setiap kontrak yang berkenaan bernilai kurang daripada RM5 juta. Padahal kontrak-kontrak tersebut boleh digabungkan sebagai beberapa pakej yang bernilai lebih daripada RM5 juta dan dengan itu perlu dirujuk kepada lembaga. Bahkan pemberian kontrak kepada syarikat ini berjumlah RM103 juta tidak dapat dikesan dokumen-dokumennya.

Di samping itu, laporan juga mendedahkan 65 projek perbelanjaan modal telah di 'rectify' oleh lembaga dari tempoh 1990-1995 di mana 45 daripada kontrak tersebut di 'rectify' atau disahkan oleh lembaga dalam 2 mesyuarat yang diadakan pada bulan Disember 1992. 6 kontrak dilaksanakan tidak mendapat pengesahan lembaga sama sekali.

Jawatankuasa Tender hanya dibentuk pada bulan Julai 1993 hasil daripada cadangan wakil Kementerian dalam lembaga pengarah. Malangnya jawatankuasa tersebut hanya bermesyuarat sekali sahaja untuk meluluskan satu kontrak. Kajian Price Waterhouse mendedahkan adanya bayaran dan urusan yang diragui kesahihannya dan memerlukan kajian lanjut oleh pihak bertanggungjawab. Di antara bayaran dan urusan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) bayaran RM76.4 juta kepada NKK Corporation melalui Syarikat Frilsham Enterprise di Hongkong yang didapati tidak wujud;
- (ii) arahan pembelian palsu kepada Etochu Corporation bernilai US\$23.4 di mana Etochu akan menyediakan pembiayaan. Arahan tersebut dibuat pada September 1994 dan telah dibatalkan oleh pengurusan baru selepas Etochu menafikan

bertanggungjawab ke atas pembiayaan pembelian tersebut;

- (iii) penyalahgunaan pinjaman US\$196 juta bagi pembelian alat-alat kemudahan untuk kegunaan kemudahan pembuatan besi di Kemaman dan Section Mill di Gurun tetapi telah digunakan untuk perkara-perkara lain;
- (iv) skim perumahan kakitangan di Kemaman dan Gurun yang kos pembinaannya lebih tinggi dengan kos pembinaan bagi jenis saiz rumah yang sama, lebih kurang rumah kos rendah. Kos satu unit RM121,000 di Kemaman, RM114,000 di Gurun;
- (v) bayaran yuran perundangan kepada penasihat undang-undang luar yang dilantik oleh Perwaja, Syarikat V.K. Linggam dan Louis and Company RM12.3 juta. Dokumen-dokumen ke atas bayaran RM4.5 juta kepada Mr. Dorai Rajasingam Rajadurai iaitu rakan kongsi kepada Louis and Company tidak dapat dikesan.

Laporan Price Waterhouse sebenarnya mendedahkan banyak urusan, amalan dan bayaran yang diragui kesahihannya yang dilakukan oleh Kumpulan Perwaja. Memadai jika saya tegaskan amalan dan urusan yang dilakukan oleh Kumpulan Perwaja adalah amat mengecewakan dan sewajarnya Perwaja mengalami krisis kewangan.

Kedudukan Perwaja adalah kritikal. Oleh itu, rancangan penyelamatkannya perlu dilakukan segera. Syarikat Price Waterhouse telah mengemukakan beberapa cadangan pilihan kepada Kementerian Kewangan dan kerajaan untuk menyusun semula Kumpulan Perwaja. Empat cadangan pilihan dikemukakan.

**Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Biar saya habiskan dulu.

- (i) Mengekalkan pegangan ekuiti dan melaksanakan rancangan pemulihan menerusi pengurusan yang sedia ada dengan hasrat menswastakan atau menyenaraikannya di BSKL di masa hadapan.
- (ii) Mengekalkan pegangan ekuiti dan melantik kumpulan pakar dalam pemulihan untuk memulihkan Perwaja dengan hasrat menswastakan atau menyenaraikannya.
- (iii) Menswastakan terus Kumpulan Perwaja.
- (iv) Mengadakan usahasama dengan pihak-pihak yang berminat yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan kepakaran dalam industri keluli.

Keempat-empat pilihan tersebut penting bagi kerajaan membuat keputusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengumumkan bahawa empat syarikat swasta yang berminat untuk menyusun semula Kumpulan Perwaja iaitu Kumpulan Lion, Renong, Syarikat Maju Holdings dan Wing Tek Holdings Bhd. Satu memorandum maklumat berkenaan dengan Kumpulan Perwaja telah diedarkan kepada empat syarikat swasta tersebut untuk memudahkan mereka mengemukakan cadangan penyusunan semula Kumpulan Perwaja.

Kerajaan berpendapat, industri yang dilaksanakan oleh Perwaja mempunyai potensi yang besar berasaskan pertumbuhan ekonomi negara pada masa ini. Oleh itu, kerajaan sedang mengkaji beberapa alternatif yang boleh dipilih untuk memulihkan Perwaja supaya berdaya maju pada suatu masa kelak. Ini adalah selaras dengan kedudukan Perwaja sebagai sebuah syarikat yang terlibat dalam

sektor yang strategik bagi negara dan berpotensi meningkatkan rantaian industri dalam sektor ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada kata bahawa apa yang beliau utarakan ialah ciri-ciri yang kukuh, adakah kerajaan atau adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri rela untuk mengumumkan sepenuhnya laporan Price Waterhouse supaya ia boleh dikaji lebih mendalam oleh semua yang prihatin?

Dan kedua, apakah tindakan yang sudah diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab atas kerugian yang begitu besar dalam Perwaja khususnya Tan Sri Eric Chia? Adakah keputusan dibuat atau adakah ini satu lagi kes 'heinous crime' tanpa penjenayah-penjenayah? Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa lebih kurang 40% atau 38% kerugian adalah oleh kerana foreign exchange fluctuate, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa dalam tahun 1991 dalam satu mesyuarat PAC, Tan Sri Eric Chia ada memberitahu Public Accounts Committee bahawa selepas beliau mengambil alih jawatan, semua hutang sudah ditukar (converted) kepada local currency dan tidak akan menimbulkan masalah kerugian yang diakibatkan daripada foreign exchange fluctuation? Dan bukannya benar bahawa satu sebab Perwaja menghadapi krisis dan perlu ditubuhkan Perwaja Steel ialah kerana penyelewengan-penyelewengan dalam tahun 1980an dan oleh kerana pengalaman itu, kenapa perkara semacam ini boleh dibiarkan berlaku dengan begitu serius sekarang?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, perkara laporan ini telah saya maklumkan kepada Jemaah Menteri dan laporan itu juga telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri sebelumnya dan

kita bersetuju supaya maklumat ini diberitahu sepertimana yang saya lakukan pada petang ini, ia merupakan maklumat-maklumat terpenting.

Masalah mengemukakan laporan kepada awam ialah kerana bidang tugas Price Waterhouse ialah audit pengurusan. Bukan satu pasukan penyiasatan, oleh yang demikian, peluang bagi yang terlibat untuk menjawab atau memberikan penjelasan harus diberikan terlebih dahulu. Yang kita lakukan sekarang ialah andaikata kita menerbitkan ia mungkin menjejaskan atau prejudis penyiasatan berikutnya oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab lainnya seperti BPR dan lain-lain dan oleh kerana hal ini sedang diambil tindakan, maka kita tidak mahu menzahirkan semua perkara terperinci yang mungkin menimbulkan prejudis dan mempersulit usaha penyiasatan berikutnya.

Soalan yang kedua, jadi ini juga dengan sendirinya menjawab apakah tindakan diambil kepada sesiapa juga yang terlibat oleh kerana laporan audit dan audit pengurusan itu telah disiapkan, maka perkara ini akan diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab yang lain untuk meneruskan siasatan dan mengambil apa juga langkah dan tindakan. Sepertimana yang saya maklumkan, untuk mengelakkan daripada apa-apa kekeliruan kita telah pun membincangkan perkara ini dan bentuk tindakan dan muafakat kita dengan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri ialah bahawa penyiasatan harus disegerakan.

Mengenai kedudukan tentang kerugian mata wang asing yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong, kenyataan daripada Tan Sri Eric Chia pada tahun 1991, memang benar ada ketikanya pada peringkat awal di mana tukaran itu dipindahkan kepada ringgit. Tetapi yang disebut dalam laporan ini oleh Price Waterhouse ialah beberapa kedudukan

sesudah itu masih berlaku pinjaman dan juga pengurusan serta pembelian dalam mata wang asing, yang menyebabkan kerugian berlaku.

Keempat, mengenai masalah yang berlaku pada tahun lapan puluhan dan mengapa perkara ini dibiarkan berulang. Kita tidak membiarkan perkara ini berulang. Sebaik sahaja ada petanda tentang masalah berbangkit, maka kita ambil tindakan termasuklah pertukaran pengurusan dan inilah keadaan yang kita bentangkan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua, .....**

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong bangun, Yang Amat Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, laporan yang kami terima, benarkah penyiasatan oleh polis tidak harus diprejudiskan. Tetapi adakah benar seorang yang harus muncul (*Eric Chia*), belum muncul selepas saya membuat satu laporan polis. Ini menjadi satu saksi yang utama. Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk menunggu sampai 'the bird flies away' atau menentukan saksi ini diberkas sekarang dan memberi kenyataan kepada ACA dan dua laporan ACA telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Oleh itu, tidakkah baik untuk mengambil langkah sebelum Eric Chia ini melarikan diri daripada negara kita?

Kedua, bolehkah saya dapat tahu, adakah Eric Chia berada dalam negara ini, jika ada dalam negara kenapa dia tidak muncul sampai hari ini, adakah kerajaan mengetahui di mana dia berada? Dan adakah kerajaan bersedia untuk membongkar di mana dia berada sekarang di Dewan yang mulia ini.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat maklumat

bahawa Tan Sri Eric Chia ada di Kuala Lumpur. Saya tidak tahu di mana, bukan kerja saya untuk mencarinya, tetapi pihak yang bertanggungjawab memang dimaklumkan dan saya fikir tidak harus kita mengambil keputusan ataupun membuat hukuman dan menyerahkan kepada pihak bertanggungjawab meneruskan penyiasatan. Dalam soal meneruskan dengan penyiasatan dan akan mengambil tindakan, saya ingat memadai jaminan yang diberikan setakat ini. Kita tidak berhasrat untuk melindungi sesiapa dalam pada masa yang sama, kita tidak dalam kedudukan untuk menghukum sesiapa sebelum siap penyiasatan dan tindakan diambil.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyebutkan mengenai beberapa anak syarikat Perwaja yang ada ditubuh, antara lain ialah Realty Sdn. Bhd. yang tidak ada bersangkutan-paut langsung dengan pekerjaan Perwaja Steel. Adakah satu siasatan yang mendalam diadakan mengenai peranan dan urusan Realty Sdn. Bhd. ini sama ada mengenai tanah, ibu pejabat di Shah Alam, kenapa di Shah Alam? Oleh kerana ibu pejabat sepatutnya sama ada di Terengganu atau di Gurun. Jadi, semua urusan yang bersangkutan-paut dengan tanah-tanah atau hartanah-hartanah adakah penyelewengan-penyelewengan didapati?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya telah maklumkan, Tuan Yang di-Pertua, maklumat tentang beberapa kejanggalan dalam pengurusan dan saya kira lebih baiklah kita serahkan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk meneruskan siasatan dan tindakan. Saya tidak berupaya untuk membuat keputusan dalam Parlimen sekarang mengenai kes-kes yang terperinci mengenai perkara itu. Tetapi saya telah mengambil kira dan menyebut di sini semua faktor dan keterangan yang saya kira relevan, besar, yang patut diberikan maklumat sepenuhnya kepada Parlimen

dan juga orang ramai— saya melakukan hal yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang kegiatan perjudian. Saya ingin tegaskan di sini bahawa tidak benar sama sekali kita menambah, menokok atau bercadang untuk mengembangkan kemudahan perjudian. Memang saya akui bahawa lesen dan juga kemudahan terutama beberapa negeri khususnya di Sabah agak keterlaluan yang diluluskan sebelum ini. Saya tidak nafikan kenyataan tersebut. Tetapi untuk melayani khabar angin dan beberapa desas-desus dari masa ke semasa, untuk maksud menyokong satu syarikat atau tidak menyokong syarikat lain harus diberhentikan, kerana kalau ini terus berlaku kita akan terpaksa mengambil tindakan yang keras terhadap kejadian atau gejala yang tersebut.

Oleh yang demikian, saya ingin menegaskan bahawa selain daripada Loteri Kebajikan Masyarakat yang telah ditutup, permohonan syarikat-syarikat untuk beroperasi atau menambah bilangan outlet telah tidak diluluskan sama sekali. Bagi menunjukkan komitmen kerajaan untuk mengurang dan mengawal aktiviti perjudian, kerajaan telah tidak melayani sebarang permohonan baru untuk menjalankan aktiviti perjudian.

Kerajaan Persekutuan telah memperluaskan pelaksanaan akta undang-undang pengawalannya mengenai perjudian di Sabah dan Sarawak dalam tahun 1992. Bukan sahaja kita tidak meluluskan permohonan baru, tetapi bilangan outlet atau agensi bagi syarikat yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri pun telah dikurangkan. Di negeri Sabah umpamanya, kerana telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, outlet bagi syarikat telah dikurangkan sebanyak 50% lagi pada tahun 1995.

Pada tahun 1995 bulan Januari Syarikat Diriwan Corporation Sdn. Bhd., telah

dikurangkan outlet dari 205 kepada 100; Sandakan Turf Club dari 120 kepada 60; Sport Toto dari 66 kepada 33 outlet.

Bagi Sarawak Turf Club dikurangkan dari 287 kepada 74 sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong bangun, Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya juga ingin memaklumkan bahawa pada awal tahun ini, kerajaan telah menggantung lesen induk dan lesen outlet bagi Syarikat Diriwan Corporation Sdn. Bhd., dengan ini kerajaan juga ingin mengumumkan beberapa langkah tambahan.

Bagi mengurangkan aktiviti perjudian oleh syarikat-syarikat lain, terutama yang nampak menghebahkan, oleh kerana tindakan diambil kepada satu syarikat, ada kemungkinan lesen baru dan outlet baru diberi kepada syarikat lain. Untuk memberi pengajaran dan supaya mesej ini jelas kepada masyarakat, saya mengambil kesempatan untuk mengumumkan pengurangannya lagi.

Bilangan outlet Sandakan Turf Club dikurangkan lagi dari 60 kepada 50 dan bilangan maksimum mesin slot kepada kelab-kelab di Sabah dikurangkan dari 8 kepada 5 sahaja. Kelab-kelab yang mempunyai kurang dari 5 mesin tidak boleh ditambah.

Bilangan di negeri Sabah, kerajaan telah mengurangkan bilangan maksimum mesin slot yang diberi kepada kelab-kelab dari 10 kepada 8 buah sahaja. Hasil dari tindakan ini sebanyak 87 mesin slot telah dapat dibatalkan atau dikurangkan. Kalau ada rayuan-rayuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kita tolong bantu untuk menolak rayuan tersebut, jangan ada pula di Parlimen kita bangkitkan, kemudian senyap-senyap hantar surat rayuan kepada saya.

Pada masa ini juga kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk mengurangkan lagi bilangan mesin-mesin slot bagi tiap-tiap kelab. Jadi, dengan penjelasan ini kita mahu tegaskan bahawa tidak ada sebarang kepentingan untuk memberi galakan atau muslihat bagi menjadi isu perjudian ini menyebabkan ia berkembang di negara kita.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya setuju dengan hasrat Yang Amat Berhormat untuk mengurangkan semua ini, cuma bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan hasil ataupun cukai daripada semua kegiatan perjudian di negara ini. Adakah semakin tahun semakin bertambah di dalam negara ini?

Yang kedua, dengan adanya tindakan untuk menyekat aktiviti perjudian yang 'halal' maka aktiviti haram bertambah.

**Seorang Ahli:** Hey! Judi halalkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang 'halal' atau yang dibenarkan oleh kerajaan.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** 'Lani' — tidak ada. Saya perlu notis tentang jumlah pendapatan kerajaan atau cukai dari hasil perjudian. Walau bagaimanapun, saya tidak anggap soal percukaian dari sumber ini perkara yang harus diberikan keutamaan oleh kerajaan kerana dari segi kegiatan perjudian ini langkah dan dasar kita jelas bahawa kita hendak kurangkan dan telah kurangkan, malangnya kelulusan yang diberikan dahulu itu terlalu banyak dan untuk membatalkan sekali gus menimbulkan masalah, maka kita membatalkan secara berperingkat. Cuma yang perlu dimaklumkan di Parlimen ini ialah bahawa dalam tahun-tahun



kebelakangan ini, bukan sedikit, bahkan ratusan outlet telah dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih. *(Tepuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Kementerian Pengangkutan.

3.33 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuah Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan semasa mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Usul Rancangan Malaysia Ketujuh.

Saya percaya keprihatinan Yang Berhormat ke atas perkara-perkara yang di bawah bidang kawal selia oleh Kementerian Pengangkutan adalah suatu yang amat dialu-alukan dan saya memberikan jaminan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat semua akan diberikan perhatian sewajarnya oleh kementerian. Di sini izinkan saya memberi sedikit sebanyak penjelasan kepada apa yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, Yang Berhormat dari Santubong dan juga Yang Berhormat dari Batang Lupa menyeru kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan supaya memberi lebih keutamaan kepada penerbangan antarabangsa untuk masuk terus ke Sarawak. Berhubung dengan perkara ini ingin saya maklumkan bahawa di dalam rundingan-rundingan udara yang diadakan dengan negara-negara asing, kerajaan tidak pernah mendiskriminasikan di antara tempat-tempat di Malaysia semasa membuat tawaran kepada syarikat-syarikat

penerbangan asing dan tidak menjadi amalan kerajaan untuk mengutamakan mana-mana destinasi di Malaysia sama ada Pulau Pinang atau Kuala Lumpur di dalam membuat tawaran. Adalah terserah kepada syarikat penerbangan asing yang berkenaan untuk memilih dengan sendiri tempat-tempat di Malaysia di mana mereka ingin mengadakan penerbangan.

Mungkin kita perlu bersama mempromosikan destinasi-destinasi penerbangan lain seperti Kuching untuk lebih dikenali dan dengan ini dapat menarik minat syarikat asing untuk mengadakan penerbangan terus dalam rundingan udara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang sama iaitu cadangan supaya diadakan penerbangan antarabangsa ke tempat-tempat di Sarawak, ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan baru-baru ini telah pun membenarkan Royal Brunei Airlines (RBA) untuk mengadakan penerbangan daripada Bandar Seri Bagawan ke Bintulu. Royal Brunei Airlines kini boleh membuat perancangan untuk mengadakan penerbangan di atas sektor berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya memaklumkan bahawa keutamaan kerajaan dalam pembangunan infrastruktur di negeri Sarawak adalah lebih ditumpukan kepada perhubungan jalan raya. Berhubung dengan cadangan mengadakan kajian feasibility study, dengan izin, pengangkutan berasaskan rel oleh Yang Berhormat dari Sibu, setakat ini kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakannya. Ianya akan diadakan apabila dirasakan telah perlu nanti.

Mengenai masalah menghubungkan bandar-bandar di Sarawak seperti Kuching, Sibu, Bintulu, Miri, yang menghadapi masalah perhubungan yang kurang baik, kementerian saya menyedarinya dan saya akan minta pihak MAS untuk mengkajinya bagi tujuan

mengadakan lebih banyak pesawat ataupun penerbangan terus di antara bandar-bandar utama di Semenanjung seperti Kuala Lumpur ke destinasi-destinasi di atas sekiranya didapati sesuai.

Mengenai pemerhatian Yang Berhormat dari Sandakan bahawa semua penumpang dan pelawat asing yang ingin meneruskan perjalanan ke Sandakan terpaksa turun untuk diperiksa di Kota Kinabalu, ingin saya memaklumkan bahawa peraturan ini adalah peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen oleh kerana Kota Kinabalu adalah first port of call, dengan izin, di mana pemeriksaan perlu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Labuan mencadangkan supaya kekerapan penerbangan ke Labuan dipertingkatkan. Ingin saya menyatakan bahawa penerbangan yang sedia ada dijalankan oleh MAS adalah berdasarkan kepada permintaan penumpang ke Labuan. MAS bersedia untuk menambah penerbangan ke Labuan sekiranya permintaan penumpang bertambah di masa hadapan. Berhubung dengan cadangan mengurangkan kos tambang ke Labuan pula, tambang yang sedia ada adalah murah memandangkan tambang domestik yang ditawarkan oleh MAS merupakan salah satu yang terendah di rantau ini. Justeru itu, pada masa ini MAS tidak bercadang untuk menurunkan tambang tersebut.

Mengenai cadangan lain oleh Yang Berhormat dari Labuan supaya diadakan penerbangan terus ke Labuan sepertimana yang saya maklumkan sebelum ini bahawa di dalam rundingan-rundingan udara, kerajaan menawarkan tempat-tempat di Malaysia termasuk Labuan kepada syarikat-syarikat penerbangan asing bagi tujuan mengadakan penerbangan antarabangsa terus. Dalam hal ini, adalah terpulang kepada syarikat penerbangan asing ini untuk memilih sama ada ingin mengadakan penerbangan antarabangsa

terus ke Labuan atau tidak, tetapi apabila rundingan diadakan di antara kerajaan dan syarikat penerbangan asing, buat setakat ini hampir keseluruhan syarikat-syarikat ini memang memilih Kuala Lumpur sebab Kuala Lumpur merupakan ibu kota Malaysia dan adalah gateway, dengan izin, ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan oleh Yang Berhormat Libaran bahawa MAS jangan terlalu mementingkan kenaikan harga tambang untuk mendapatkan keuntungan maksimum, ingin saya memaklumkan bahawa MAS sentiasa sedar terhadap peranannya sebagai syarikat penerbangan kebangsaan dan dengan izin, corporate citizen. Dalam hubungan ini, masalah terus memenuhi matlamat-matlamat sosial ekonomi sepertimana yang disarankan oleh kerajaan iaitu selain daripada maklumat korporat dan syarikatnya.

Berhubung dengan cadangan oleh Yang Berhormat dari Sandakan dan Libaran supaya MAS mengadakan penerbangan antarabangsa terus dari Sandakan, Filipina, Hong Kong dan Korea, ingin saya memaklumkan bahawa MAS sentiasa mengkaji aliran dan permintaan trafik di antara sesuatu tempat di Malaysia, misalnya Sandakan dan negara-negara asing dan sekiranya didapati sesuai ataupun viable, dengan izin, maka MAS akan membuat perancangan untuk mengadakan penerbangan antarabangsa terus dari tempat itu ke negara-negara asing.

Mengenai perkara Lapangan Terbang Senai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Senai, ingin saya memaklumkan bahawa pada ketika ini lapangan terbang tersebut mempunyai tanah yang mencukupi untuk menampung keperluan jangka masa panjang. Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil alih tanah kawasan sekelilingnya buat masa ini. Berhubung dengan cadangan supaya

disediakan kawasan yang mencukupi dekat dengan lapangan terbang bagi kargo, ingin saya memaklumkan ianya akan diambil perhatian oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu yang begitu memberi perhatian kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan.

Berhubung dengan masalah penglibatan JPJ dalam program Balik Kampung, Kementerian Pengangkutan bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tersebut bahawa penglibatan JPJ hanya setakat sebagai pengawas kepada program yang diatur oleh syarikat-syarikat pengangkutan awam atau pihak yang diberi tanggungjawab untuk mengatur dan melaksanakan program Balik Kampung. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, apa yang berlaku kepada program Balik Kampung pada Hari Raya Aidil Adha yang lepas akan dijadikan panduan dan perhatian oleh JPJ dalam menangani masalah ini di masa akan datang.

Mengenai penubuhan pusat latihan untuk JPJ, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa program ini telah pun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan tempat yang dicadangkan adalah di Telok Intan. Bersama-samalah kita membantu agar pusat ini dapat ditubuhkan dengan segera dan dengan yang demikian akan dapat juga melatih kakitangan JPJ dengan lebih teratur dan berkesan.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Raub iaitu mengenai perbekalan senjata api kepada anggota penguatkuasa JPJ, ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa perkara ini akan dikaji terlebih

dahulu. Saya rasa Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa perkara ini telah pun dibangkitkan sebelum ini dan mungkin juga semasa Yang Berhormat masih lagi berkhidmat sebagai Pegawai JPJ.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah lori hantu yang digunakan oleh peneroka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Hulu Terengganu, ingin saya memaklumkan bahawa sesebuah lori yang digunakan di kawasan ladang boleh dikurangkan kadar bayaran lesen kereta motor atau cukai jalannya tertakluk kepada permohonan perlulah dikemukakan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan.

Mengenai denda kesalahan jalan raya ataupun lalu lintas, saya amat tertarik dengan pandangan Yang Berhormat dari Parit yang mana beliau minta JPJ atau pihak Polis mencari jalan penyelesaian yang lebih kreatif selain daripada denda yang dikenakan terhadap kesalahan lalu lintas. Beliau mencadangkan denda yang berbentuk 'community services', dengan izin, seperti yang dilakukan di Amerika Syarikat boleh memberi manfaat kepada orang awam, contohnya mencuci longkang atau menyapu jalan raya jika denda yang berbentuk wang ringgit tidak mampu mencari jalan penyelesaian. Berhubung dengan perkara ini, ingin saya memaklumkan bahawa cadangan Yang Berhormat akan diberi pertimbangan yang sewajarnya dan ianya akan dikaji berhubung dengan kebaikan dan keburukan mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kemaman ingin tahu hasil dari penswastaaan Pelabuhan Kemaman yang telah diselesaikan baru-baru ini. Berhubung perkara ini ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan telah menilai cadangan penswastaaan bagi Pelabuhan Kemaman dan rundingan dengan pihak swasta yang berjaya akan diadakan tidak lama lagi.

Berhubung dengan cadangan untuk pembinaan Dermaga Cecair Kimia, ingin saya memberitahu juruperunding bagi projek ini baru dilantik untuk menyediakan reka bentuk dermaga.

Yang Berhormat dari Bagan menyentuh tentang penggunaan perkhidmatan feri di Pulau Pinang yang menurutnya semakin bertambah walaupun terdapat kemudahan Jambatan Pulau Pinang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Penang Port Sdn. Bhd. sedang dalam perancangan untuk membangun semula serta meningkatkan tahap kecekapan pengendalian operasi feri penumpang dan kenderaan di kedua-dua belah terminal, iaitu Pangkalan Raja Tun Uda dan Pangkalan Sultan Abdul Halim.

Berhubung dengan pembangunan semula terminal feri di kedua-dua belah tersebut, ianya masih lagi di tahap pemilihan bagi mendapatkan sebuah syarikat untuk dilantik sebagai rakan kongsi. Syarikat-syarikat yang terpilih dikehendaki menyediakan penerangan lanjut dan pemilihan bagi lantikan rakan kongsi akan dilakukan setelah penilaian dibuat dan seterusnya laporan lengkap berhubung pembangunan berkenaan akan dihantar kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan.

Sehubungan dengan pembangunan tersebut di atas, 6 buah feri jenis penumpang kenderaan dicadangkan diubah suai menjadi feri kenderaan jenis dua tingkat sepenuhnya bagi mengatasi masalah peningkatan bilangan kenderaan yang menggunakan perkhidmatan feri, manakala Pangkalan Sultan Abdul Halim dicadang untuk digantikan dengan pangkalan yang baru bagi kegunaan penumpang berjalan kaki sahaja. Pangkalan Raja Tun Uda di Pulau Pinang dicadang diubah suai setelah dimajukan. Pangkalan bagi penumpang akan diasingkan daripada pangkalan kenderaan dengan mengadakan sebuah pangkalan

baru penumpang yang berasingan. Semua cadangan ini juga telah pun diberi bagi pembelian 3 atau 4 buah feri laju jenis setingkat untuk penumpang pejalan kaki untuk menggantikan sistem yang terpakai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara menghidupkan semula perkhidmatan Feri Malaysia ataupun Feri Kebangsaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas, ingin saya memaklumkan bahawa pelaburan untuk menyediakan perkhidmatan feri ini melibatkan modal wang yang banyak. Perkhidmatan feri yang lalu telah mengalami kerugian semenjak dimulakan dan kerajaan pada akhirnya terpaksa menanggungnya. Sekiranya ada pihak swasta yang ingin menjalankan perkhidmatan ini, sudah tentu kerajaan mengalu-alukannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Lipis membangkitkan masalah kabel TNB melintasi landasan keretapi, ingin saya memberitahu iaitu adalah menjadi dasar KTMB untuk membenarkan kabel elektrik ditanam melalui bawah landasan kereta api. Sehingga kini tiada dalam rekod KTMB menolak permohonan mana-mana pihak yang sanggup mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan terutama mengenai keselamatan. Walau bagaimanapun, saya menyeru supaya Yang Berhormat dari Lipis dapat berhubung dengan KTMB tempatan supaya perkara ini dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai KLIA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sepang. Adalah tidak menjadi hasrat kerajaan untuk menyekat pembangunan di persekitaran kawasan KLIA tetapi untuk memenuhi keperluan operasi di KLIA adalah selamat, beberapa zoning perlu diadakan dalam penggunaan tanah di kawasan persekitaran KLIA. Zoning tersebut adalah berasaskan kepada keperluan teknikal, iaitu syor-syor dan piawaian International Civil

Aviation Organisation (ICAO) dan Jabatan Penerbangan Awam, keperluan alam sekitar sepertimana yang telah digariskan oleh Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan keperluan perancangan dan pembangunan KLIA dalam konteks wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh ahli yang berhormat telah pun saya memberi penjelasan. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada mereka dan ada juga masalah-masalah ataupun soalan-soalan yang tidak dapat diberi jawapan, maka kementerian saya akan memberi perhatian. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

3.48 ptg.

**Menteri Pertahanan (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Keningau, Kepong, Larut, Machang dan Tuaran kerana telah mengambil bahagian dan memberi beberapa pandangan dan teguran di dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketujuh bersabit dengan Kementerian Pertahanan. Di atas segala pandangan dan komen yang telah diberikan oleh Yang Berhormat, kami mengambil maklum dan di mana perlu, akan diambil tindakan yang sewajarnya. Namun demikian, pada kesempatan ini saya ingin menjawab secara umum dan secara satu persatu persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan keadaan keselamatan di Sabah dan meminta soal keselamatan dilaksanakan secara bersepadu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tindakan bersepadu terhadap keselamatan negeri Sabah

diambil melalui Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang merangkumi ahli-ahli dari pihak tentera, polis dan awam dan diselaraskan di peringkat nasional melalui Majlis Keselamatan Negara. Di peringkat daerah, perkara ini dibincangkan di Majlis Keselamatan Daerah dan seterusnya di peringkat Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung.

Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, angkatan tentera kita telah mengambil tindakan yang berikut:

- (i) Penempatan Tentera Darat di Kem Sri Wangsa, Semporna telah ditingkatkan ke paras kekuatan satu kompeni yang mengandungi pegawai yang cukup dan lain-lain pangkat sejak 6hb April, 1996. Di samping itu, kita mengatur gerak dan menggilirkan satu batalion setiap bulan.
- (ii) Rondaan di perairan Sabah telah dipertingkatkan oleh kapal-kapal Tentera Laut DiRaja Malaysia mulai April 1996. Sebelum insiden ini di Semporna, rondaan TLDM adalah satu kapal ronda setiap hari. Sekarang ditingkatkan kepada tiga buah kapal ronda tiap-tiap hari dengan kekuatan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya personnel keselamatan ditambah di Sabah, sebagaimana saya katakan tadi, pihak tentera telah pun menambah kakitangan di sana dan menambahkan kemampuan kita untuk bergerak di tempat-tempat yang difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mencadangkan supaya satu Kertas Putih Pertahanan (*Defence White Paper*) dibentangkan untuk semua aspek

Angkatan Tentera Malaysia. Kerajaan berpendapat tidak perlu diadakan kertas putih, walau bagaimanapun, kerajaan bersikap terbuka dan accountable. Oleh hal yang demikian, satu Terbitan Pertahanan akan disediakan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya pun berasa gembira kerana akan ada satu terbitan untuk menerangkan keadaan, cuma dari semasa ke semasa, bolehkah kita mengeluarkan maklumat yang lebih lengkap kerana memandangkan Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) yang begitu tebal, tetapi hanya ada dua perenggan dan kita hendak tahulah birokrasi di dalam angkatan tentera dan cara-cara operasinya, kita hendak tahu kemahirannya, kita hendak tahu pasukan-pasukan regimen dan sebagainya dan ini bukan rahsia.

Apa salahnya kita tunjukkan kebolehan di Majeedi, Pulada dan sebagainya? Apakah salahnya kita tunjukkan berapa pesawat yang canggih asalkan tidak ada kerahsiaan tentera kerana ada perisikan negara lain pun lebih tahu daripada rakyat di Malaysia.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ambil maklum apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Soal yang tidak dianggap rahsia, kalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu berkenaan jumlah kapal terbang, Ahli Yang Berhormat hanya perlu membaca daripada maklumat-maklumat yang kita siarkan dari semasa ke semasa atau pergi melihat kapal terbang kita semasa kita mengadakan pertunjukan LIMA di Langkawi. Jadi, tidak ada perkara yang rahsia, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat hendak secara terperinci kedudukan, apakah strategi, bagaimanakah kita beroperasi, apakah jumlah sebenarnya, ini saya fikir tidak perlu, tetapi secara keseluruhan kita boleh berikan dan, insya-Allah, di dalam terbitan keselamatan kita

akan mengeluarkan merangkumi perkara-perkara yang melibatkan perspektif keselamatan Malaysia, garis panduan Dasar Pertahanan Negara, organisasi pertahanan, sokongan industri pertahanan, sokongan sains dan teknologi pertahanan, sumbangan Malaysia ke arah keamanan dunia, angkatan tentera Malaysia bersama rakyat.

Perkara-perkara yang begitu yang akan kita jelaskan bagi memberikan pengetahuan kepada Ahli Yang Berhormat yang berminat terhadap perkara-perkara keselamatan dan pertahanan. Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat.

Kalau Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui berkenaan dua perenggan, saya fikir ini adalah perkara biasa, kalau untuk tujuan Rancangan Malaysia Ketujuh mencukupi untuk kita memberitahu ada peruntukan sebanyak RM7,000 juta dan daripada RM7,000 juta itu ia melibatkan pembelian kapal terbang, pembelian kapal —tak ada apa yang rahsia. Ahli Yang Berhormat sendiri pun tahu!

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu untuk Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut telah membangkitkan mengenai kapal-kapal terbang lama perlu dihapuskan atau digunakan bagi tujuan pembelajaran, repair atau overhaul, bukan untuk terbang. Saya ingin menjelaskan bahawa kapal terbang lama dan yang tidak boleh dipakai lagi sememangnya ia tidak akan digunakan. Hanya penggunaan kapal-kapal terbang yang lama akan berlaku apabila ia didapati masih lagi serviceable dan ia boleh menjadi perkara yang membolehkan kita untuk memahami dan mengetahui berkenaan teknologi di dalam sesuatu kapal terbang dan membolehkan kita memberikan latihan bagi operasi-operasi yang berikut.

Oleh itu, saya mengambil perhatian di atas teguran Ahli Yang Berhormat dan mana-mana kapal terbang yang dianggap usang dan tidak serviceable sememangnya kita tidak akan menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga ada menyentuh supaya perajurit-perajurit yang telah bersara diberikan perhatian yang lebih munasabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka yang telah bersara mendapat manfaat seperti berikut. Di bawah program kebajikan kita memberikan peruntukan sebanyak RM184,000 kepada 522 orang, ini termasuklah skim bantuan sara hidup, skim bantuan persekolahan, skim bantuan peralatan pesakit, skim bantuan kecemasan, skim anak angkat (kem warisan), skim pinjaman perumahan dan khidmat surat sokongan dan juga kita memberikan projek anugerah Wiraniaga, projek mengenang jasa bekas perajurit Force 136, latihan peralihan, program latihan teknikal dan vokasional, program pinjaman pelaburan dan pembangunan usahawan.

Oleh itu, segala perancangan dibuat untuk menentukan kepentingan mereka yang telah bersara tidak dilupakan dan akan diambil tindakan bagi kepentingan mereka yang telah pun memberikan perkhidmatan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Machang telah menyentuh kurang minat rakyat yang berkelayakan menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gaji anggota Angkatan Tentera Malaysia boleh dianggap setaraf atau ada masanya lebih baik daripada lain-lain perkhidmatan seperti polis ataupun awam, tetapi di dalam keadaan ekonomi yang berkembang ini dan pilihan yang banyak, maka mungkin ada masanya kita mendapati susah untuk mendapat kakitangan bagi Angkatan Tentera.

Walaupun bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil untuk mengkaji dan meneliti apa-apa yang perlu diperbaiki untuk menarik minat rakyat menganggotai pasukan tentera kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran telah membangkitkan tentang cara pemilihan anggota untuk memasuki Angkatan Tentera Malaysia seperti menggunakan kad pengenalan palsu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan rekrut untuk berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 1995 adalah seramai 5,026 berbanding dengan sasaran kita. Daripada jumlah itu, permohonan yang diterima adalah 11,688.

Suka saya menegaskan di sini, bahawa hanya satu kes palsu sahaja yang berbangkit di dalam soal kemasukan untuk menjadi anggota Angkatan Tentera, oleh itu tidak benar untuk mengatakan bahawa banyak kad pengenalan palsu digunakan bagi mendapatkan kemasukan sebagai ahli tentera.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap, saya telah dapat menjawab segala teguran dan pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara ringkas dan secara umum dan apa juga yang tidak dijawab, insya-Allah, akan diambil catitan dan diberikan jawapan di masa-masa yang lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

3.58 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan usul ini dan bagi perkara-perkara yang

menyentuh Kementerian Dalam Negeri, saya akan cuba memberikan penjelasannya seboleh mana yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai imej Polis DiRaja Malaysia yang dikatakan terjejas sebagaimana yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, kita tidak menafikan pada keseluruhannya salah laku yang dilaporkan hanya melibatkan sebahagian kecil sahaja daripada anggota polis yang berjumlah hampir 80,000 orang kesemuanya.

Namun demikian, kalau sekecil mana sekalipun, sebilangan anggota yang terlibat, Pasukan Polis DiRaja Malaysia tidak memandang ringan ke atas perkara tersebut dan tindakan untuk memperbaiki dan memulihkan imej pasukan terus diambil, antaranya adalah sepertimana yang pernah dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini iaitu:

- (a) mengubahsuai bentuk latihan untuk menampung keperluan semasa dengan mengambil kira perubahan yang telah berlaku dalam masyarakat;
- (b) untuk memperketatkan sistem pengawasan dan tindakan disiplin;
- (c) memperbaiki dan mengadakan skim perumahan yang lebih baik;
- (d) mendapatkan elaun-elaun yang wajar dan setimpal;
- (e) memperkemaskan lagi sistem penugasan dan kenaikan pangkat;
- (f) membekalkan alat-alat yang moden dan pakaian seragam terkini;
- (g) memupuk semangat setiakawan dan orientasi bermesra dengan masyarakat termasuk aktiviti-aktiviti Persatuan Keluarga Polis (Perkep);
- (h) mengubahsuai keadaan di balai-balai polis untuk kemudahan orang awam yang berurusan; dan

- (i) memupuk dan meningkatkan kerjasama dan penglibatan masyarakat dalam bidang "community policing".

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu mahukan kerajaan mengadakan kelengkapan yang mencukupi untuk anggota polis agar mereka dapat menjalankan tugas dengan sempurna. Beliau juga mengesyorkan di samping menganugerahkan pingat-pingat kepada anggota polis, pemberian ganjaran atau sesuatu insentif patutlah juga diberi. Berhubung dengan perkara ini, sebagaimana yang telah dinyatakan, saya berkeyakinan penuh bahawa langkah-langkah yang bersesuaian terus diambil untuk memastikan wujudnya keselesaan dan kepuasan bagi setiap anggota untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Mengenai peristiwa di Ampang Baru, Ipoh, sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah, pihak kementerian amat berterima kasih atas kebijaksanaan Yang Berhormat itu yang telah dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sebenarnya kehadiran anggota polis di tempat tersebut adalah untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

Yang Berhormat dari Sipitang membangkitkan perihal kawalan keselamatan di kawasan sempadan Sabah dan Sarawak. Untuk makluman, Malaysia Timur yang mengandungi negeri Sabah dan Sarawak mengamalkan undang-undang daerah atau negeri yang berbeza. Dengan itu maka wujudlah Border Scout—satu cawangan di dalam PDRM bagi kedua-dua negeri itu. Perlantikan polis sempadan kedua-dua negeri ini diambil daripada penduduk tempatan yang mana mereka arif akan daerah atau sempadan masing-masing dan juga arif akan adat resam dan undang-undang daerah atau negeri masing-masing. Perkhidmatan mereka sehingga kini masih dikekalkan



bagi mengetatkan lagi peraturan-peraturan keluar masuk ke negeri masing-masing dan mengesan kemasukan pendatang tanpa izin secara berleluasa.

Pada masa ini tidak ada lagi pengambilan baru bagi mengisi jawatan ini dan PDRM sedang dalam kajian sama ada untuk mengekalkan atau membubarkan cawangan polis sempadan kedua-dua negeri itu.

Yang Berhormat dari Libaran dan Beaufort telah membangkitkan kes mengenai penjualan senjata api secara haram dan pemalsuan lesen senjata api yang melibatkan anggota polis dan pihak-pihak yang lain. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini beberapa pegawai kerajaan termasuk Polis dan Kastam telah ditangkap untuk siasatan. PDRM masih lagi melaksanakan operasi untuk mengesan dalang-dalang yang terlibat dalam skandal penjualan senjata api secara haram di Sabah.

Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat dari Tenom mengenai orang-orang yang menyamar sebagai pegawai-pegawai polis oleh orang-orang yang tertentu adalah tidak dinafikan. Ini adalah kerana peralatan pakaian seragam polis boleh dibeli dan mudah diperolehi daripada kedai menjual alat pakaian seragam polis. PDRM telah pun mengambil tindakan yang perlu bagi menangani masalah ini. PDRM telah mengarahkan syarikat dan kedai yang menjual peralatan pakaian seragam polis mestilah memiliki lesen dan barangan itu hanya dijual kepada anggota polis sahaja seperti yang telah tersiar dalam media massa terdapat dua buah syarikat telah diarahkan tutup setelah didapati ianya tidak mematuhi syarat yang telah dikeluarkan serta menjual barangan peralatan pakaian seragam PDRM sewenang-wenangnya kepada orang ramai.

PDRM memandang serius terhadap mana-mana laporan mengenai tingkah

laku sambil lewa anggota polis semasa menerima aduan daripada orang tempatan. PDRM telah pun mengambil beberapa tindakan disiplin yang tegas ke atas mana-mana anggotanya yang bersikap demikian. PDRM juga telah menyediakan beberapa program latihan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

Mengenai proses pengambilan anggota-anggota baru untuk berkhidmat dalam pasukan polis, PDRM menawarkan kemasukan anggota baru dalam tiga kategori iaitu kategori Konstabel, Inspektor Percubaan dan Kadet Asisten Superitenden Polis. Terhadap kebimbangan kurangnya para remaja memasuki perkhidmatan polis atau angkatan keselamatan yang lain, sebagai yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Larut, dan Yang Berhormat dari Machang, peluang-peluang telah dibuka, penerangan-penerangan juga dibuat dari masa ke semasa, maka terpujanglah kepada para remaja yang berkelayakan untuk membuat pilihan.

Berkaitan dengan dakwaan Yang Berhormat dari Tuaran, kononnya terdapat sebilangan pendatang tanpa izin di Sabah yang menggunakan kad pengenalan palsu telah memohon menjadi anggota polis, adalah ditegaskan di sini, setakat ini tidak ada pendatang tanpa izin dikesan memasuki PDRM. Dalam pengambilan anggota baru, PDRM mengamalkan semakan rekod-rekod peribadi pemohon secara terperinci dan teliti. Tindakan ini bukan sahaja untuk mengelakkan pendatang tanpa izin bahkan mengesan mana-mana orang yang telah mempunyai rekod jenayah dan lain-lain aktiviti anti-kerajaan.

*(Timbalan Yang di-Pertua Menteraja Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian, kerajaan memang sedar

terhadap masalah pemulihan penagih-penagih dadah memandangkan masalah penyalahgunaan dadah masih belum dapat dibendung, kerajaan telah pun menubuhkan Agensi Dadah Kebangsaan yang menggabungkan tiga agensi utama untuk memerangi masalah dadah iaitu Pasukan Petugas Anti Dadah PDRM dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
(Bangun)

**Tuan Ong Ka Ting:** Dengan penggabungan ini, tindakan anti-dadah terutamanya dari segi pencegahan, penguatkuasaan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat...

**Tuan Ong Ka Ting:** ....rawatan dan pemulihan, sekejap! Saya lengkapkan ayat ini. Dari segi penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan akan dapat dirancang, dilaksanakan, dinilai dan dimonitor secara lebih berkesan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kubang Kerian.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri jelaskan, kebelakangan ini kenapa rusuhan begitu banyak berlaku dalam pusat-pusat pemulihan dadah, yang terakhir sekali berlaku di Jeli, di mana rekod-rekod semua dibakar, pejabat dibakar, apakah punca? Dan betulkah dalam kem itu mereka dianiaya dan peruntukan diberi kepada penagih-penagih dadah tidak seperti diperuntukan tetapi ada penyelewengan, jadi saya hendak tahu di sini, apa punca yang menyebabkan penagih dadah mula merusuh dan melarat ke sana sini sekarang ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan mengatakan

penganiayaan ataupun peruntukan tidak diagih dengan adil kepada pusat-pusat ini adalah tidak benar. Sebenarnya baru-baru ini beberapa rusuhan berlaku, ianya ada beberapa faktor termasuk yang di Jeli kerana sudah terdapat penagih ataupun pelatih-pelatih yang dihantar masuk itu, mereka ini terlalu terlibat dalam ketagihan dadah, mereka merupakan kumpulan yang lebih, dikatakan 'hardcore', mereka ini tidak boleh tahan latihan yang lebih, boleh dikatakan dari segi fizikal ataupun disiplin yang ketat, mereka ini susah untuk menyesuaikan diri dan ada kalanya sampai mereka ini cuba mendapatkan bekalan dadah daripada luar dan apabila pegawai-pegawai pusat-pusat serenti ini cuba hendak menegakkan disiplin sehingga mereka cubalah cara yang difikirkan oleh pegawai lebih strict dan cuba mendisiplinkan mereka, ada kadangkala mereka ini cuba hendak berbalas dan cuba hendak mempengaruhi yang lain-lain yang juga turut masuk sama merusuh.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah memandang serius perkara ini. Kita dalam proses mengkategorikan mereka ini, mudah-mudahan nanti apabila kesemua pusat serenti terutamanya lima pusat serenti yang sedang diubahsuai itu akan ditentukan untuk 9 golongan yang dikategorikan sebagai 'hardcore'.

Kalau sekiranya hardcore ini kita masukkan ke dalam pusat serenti yang tertentu, kita ada cara supaya mereka ini tidak akan mempengaruhi orang-orang yang lain iaitu orang-orang yang tidak begitu degil dan tidak begitu tegar dari segi ketagihan dadah dan sebagainya.

Memang ini adalah satu masalah untuk diatasi buat masa kini dan ini telah menjadi macam satu disease, dengan izin, ia merebak ke tempat-tempat lain. Kalau ini dilaporkan secara besar-besaran oleh media massa, lagi teruk ia membantu untuk pusat-pusat yang lain cuba hendak ikut, kalau ada segelintir yang hendak mengapi-apikan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang saya setuju masalah dadah ini terlalu rumit walaupun ada langkah dan peruntukan untuk menyelesaikan masalah, tetapi kesannya tidak begitu menggalakkan.

Walaupun bagaimanapun, dengan kejadian atau peristiwa seumpama di Jeli dan banyak tempat lagi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenalpasti dengan cepat unsur-unsur yang boleh menyebabkan rusuhan seperti itu supaya tidak berulang lagi masalah seumpama ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Sebenarnya, Kementerian Dalam Negerilah yang paling concerned, dengan izin, tentang masalah ini. Kita memang hendak elakkan masalah ini dari berlaku. Jadi, saya baru sahaja terangkan Agensi Dadah Kebangsaan ini telah ditubuhkan dan kita akan mula beroperasi secara bersepadu dan satu mesyuarat high power akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri yang akan diadakan tidak lama lagi. Saya yakin dengan adanya usaha-usaha yang akan dirancang, kita boleh mengatasi bukan sahaja masalah rusuhan di Pusat Serenti, bahkan juga masalah-masalah seperti kempen anti dadah dan pencegahan penyeludupan ataupun pengedaran dadah. Semuanya kita anggap sama serius.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Keningau menyarankan supaya kakitangan Jabatan Imigresen ditambah dan diambil daripada orang-orang tempatan. Jabatan Imigresen sedang dalam tindakan mengkaji dan menilai keperluan

tenaga perjawatan keseluruhan organisasinya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kubang Kerian.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sekarang pelarian-pelarian Vietnam telah dihantar pulang dan ada pulau-pulau yang kosong. Apakah kerajaan tidak bercadang supaya diletakkan hardcore dadah ini, saya tahu keluarga saya pun ada terlibat dengan dadah ini. Yang hardcore ini kita hantar duduk di pulau itu dan pastikan supaya dadah tidak disupply masuk dan pegawai-pegawai disiplin ada di situ dan mereka dipulihkan di pulau untuk menyekat supply dadah yang mudah masuk. Dalam penjara pun boleh masuk dadah, sekarang. Jadi, apakah kerajaan tidak bercadang untuk menempatkan mereka di pulau?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat serenti untuk hardcore ini memang tempat yang bukan dekat dengan bandar. Kita gunakan bekas kem UKK ataupun kem tentera. Saya rasa kesannya sama. Apa yang penting bukan tempat itu di pulau sahaja. Kalau Yang Berhormat setuju kita tempatkan di pulau dan tidak mengizinkan keluarga untuk pergi melawat langsung dan tidak kira itu satu cara yang tidak berperikemanusiaan, saya kira di mana-mana kem kita boleh berbuat demikian. Kita asingkan daripada keluarga.

Tetapi itu bukan satu cara yang paling sesuai kerana kita masih hendak cuba supaya penagih-penagih ini boleh pulih dan mereka itu perlu perhatian. Mereka ini masih perlu lawatan daripada ahli-ahli keluarga. Tetapi apa yang pihak berkuasa boleh buat ialah kita ketatkan pengawasan dan kawalan orang-orang yang keluar masuk, termasuk kakitangan

dan pegawai di pusat-pusat serenti dan juga pelawat-pelawat yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, semua kelemahan pengedaran ataupun hal-hal yang lain, itu memang sudah berada di dalam kajian dan perhatian kerajaan.

Yang Berhormat dari Keningau telah menyatakan tentang masalah Jabatan Imigresen kekurangan kakitangan. Di mana perlu tambahan pegawai dan kakitangan akan dilakukan supaya tidak menjejaskan perjalanan perkhidmatannya. Keutamaan biasanya diberi kepada orang-orang tempatan yang berkelayakan untuk memegang jawatan.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat dari Sandakan, sudah jelas bahawa dasar Imigresen negara ini memang disesuaikan dengan keperluan negara dari masa ke semasa. Di waktu negara menghendaki pelabur-pelabur asing datang melabur di negara ini, dasar imigresen memberi kemudahan kepada pelabur untuk datang melabur bukan sahaja di Sandakan, malah di mana-mana sahaja di Malaysia.

Di masa negara memerlukan pegawai dagang untuk membantu pertumbuhan ekonomi, dasar kerajaan juga memberi kemudahan kepada pegawai-pegawai dagang untuk mendapatkan permit kerja. Begitu juga dengan permasalahan kekurangan tenaga kerja. Dasar imigresen memberi kemudahan kepada majikan untuk menggaji pekerja asing.

Walaupun bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa apa-apa perubahan pada dasar imigresen, ianya perlu mendapat persetujuan Kerajaan Negeri terlebih dahulu. Ini bersesuaian dengan kedudukan istimewa Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam perkara imigresen.

Saya juga ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini iaitu berkaitan

dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tenom, Yang Berhormat dari Beaufort dan Yang Berhormat dari Tuaran, masalah pemilikan kad pengenalan palsu oleh pendatang asing yang menetap dan bekerja di Sabah masih dalam siasatan polis. Beberapa tindakan undang-undang telahpun diambil dan sebahagian daripada mereka yang terlibat dengan pengeluaran kad pengenalan tersebut telah ditangkap. Kerajaan juga sedang mengambil tindakan kepada pemilik kad pengenalan palsu tersebut.

Berkenaan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Hulu Terengganu mengenai perkahwinan antara pendatang asing tanpa izin dengan orang-orang tempatan, izinkan saya menjelaskan bahawa undang-undang perkahwinan di negara ini tidak menghalang perkahwinan antara orang-orang asing dengan warganegara dengan syarat kemasukan orang asing tersebut mestilah mempunyai dokumen sah. Tempoh kemastautinan orang-orang asing tersebut tertakluk kepada tempoh yang dibenarkan dan setelah tamat tempoh, mereka dikehendaki meninggalkan negara ini. Kerajaan tidak akan memberi pertimbangan khas yang membolehkan mereka menetap lama di negara ini atas alasan mereka telah berkahwin dengan rakyat negara ini.

Kelahiran anak-anak hasil perkahwinan pendatang asing dengan penduduk tempatan di negara ini yang telah didaftarkan secara sah tidak membangkitkan masalah dan dari aspek taraf kerakyatan, mereka adalah bertaraf warganegara mengikut perjalanan undang-undang iaitu sama seperti anak-anak warganegara yang lain.

Selalunya masalah akan timbul sekiranya pendatang asing itu adalah pendatang asing tanpa izin yang tidak memiliki apa-apa dokumen sah. Di sini suka dicadangkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat memberi nasihat kepada orang

awam ataupun penduduk-penduduk di kawasan mereka tentang masalah yang mungkin dihadapi oleh mereka kalau berkahwin dengan pendatang asing.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Selangau, kerajaan sememangnya berhasrat untuk menggunakan Unit Khas Bergerak untuk membantu penduduk-penduduk pedalaman yang menghadapi masalah kad pengenalan dan sijil kelahiran. Walau bagaimanapun, faktor kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, keluasan negeri Sarawak dan penempatan penduduk yang berjauhan antara satu dengan yang lain dan keadaan iklim adalah sebab-sebab program itu tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, pihak JPN negeri Sarawak memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai ramai penduduk.

Berkaitan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Bagan. Untuk makluman Yang Berhormat, kad pengenalan Mar Kim Fong telah lama siap dan Pejabat Pendaftaran Negara telah menghantar tiga kali notis supaya mengambil kad pengenalan tersebut. Walau bagaimanapun, kad pengenalan yang berkaitan telahpun diambil oleh pemohon pada 13 Mei 1996.

Untuk menjelaskan masalah yang dibangkitkan oleh Yang berhormat dari Tawau, pekerja-pekerja yang bekerja secara sah memang mempunyai Identification Paper, sama ada dalam bentuk Pas Lawatan Kerja Sementara yang diendorse dalam dokumen perjalanan atau yang sah atau Machine Readable Card.

Walaupun bagaimanapun, adalah mustahil untuk memberi Identification Paper kepada pendatang asing yang datang secara tanpa izin kerana kehadiran mereka adalah secara haram. Jika mereka ditemui, mereka akan terus ditangkap dan diusir keluar negara.

Masalah-masalah yang perlukan perhatian Polis Di-Raja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri seperti perlumbaan haram, keupayaan ataupun kekurangan kelengkapan pasukan polis di daerah-daerah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan Parit serta masalah-masalah pendatang asing yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Hulu Langat tetap akan kita ambil perhatian dan kita akan ambil tindakan yang sesuai di mana yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi penjelasan secara ringkasnya ke atas beberapa pandangan, teguran yang telah dibangkit. Bagi pandangan, teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat dijawab di sini, saya beri jaminan ianya akan diberi perhatian sewajar oleh Kementerian Dalam Negeri.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

*4.01 ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Keningau dan Gelang Patah menyarankan supaya mempergiatkan industri bernilai tambah yang tinggi. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat,

semasa MITI menimbangkan permohonan lesen-lesen pengilang dan insentif ke atas projek-projek pengilang, salah satu kriteria kelayakan yang digunakan ialah nilai ditambah. Hanya projek-projek yang memenuhi nilai ditambah bagi satu-satu industri sahaja yang diluluskan lesen dan insentif.

Berkenaan dengan saranan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran perindustrian, beberapa langkah telah diambil iaitu:

- (i) sektor pengilang telah digalakkan untuk banyak menggunakan automasi dan mesin bagi menggantikan menggunakan banyak buruh;
- (ii) majikan-majikan disarankan supaya memberi latihan yang secukupnya kepada pekerja-pekerja yang sedia ada; dan
- (iii) syarikat-syarikat pengilang digalakkan mendapatkan sijil-sijil pengiktirafan kualiti seperti sijil SIRIM, ISO 9000, ISO 14000.

Mengenai cadangan untuk meningkatkan kemahiran pekerja bersesuaian dengan peningkatan teknologi dan modal insentif, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) memberi beberapa insentif kepada sektor swasta melatih pekerja-pekerjanya;
- (ii) menubuh lebih banyak institusi dan pusat latihan kemahiran seperti Penang Skill Development Centre, dengan izin iaitu projek usaha sama di antara sektor swasta dan sektor awam.

Bagi mempergiatkan penyebaran industri ke kawasan kurang maju, kerajaan telah memperkenalkan projek industri

khas untuk koridor pantai timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak seperti galakan taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun berasaskan dana dan pengecualian duti import sepenuhnya untuk lima tahun ke atas bahan mentah dan komponen.

Kerajaan juga sedang berusaha mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri supaya lebih banyak industri ditempatkan di kawasan luar bandar.

Mengenai keperluan strategi khusus untuk meningkatkan pengeluaran perindustrian yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, kerajaan buat masa ini sedang merangka dasar perindustrian negara bagi membentuk strategi pembangunan perindustrian untuk tempoh jangka masa pertengahan dan jangka masa panjang bagi tempoh 1996-2005. Kajian ini dijangka akan selesai pada pertengahan tahun ini di mana industri-industri yang akan diberi keutamaan ialah industri-industri yang dapat mempergiatkan nilai ditambah, berinsentif modal dan berteknologi tinggi serta mempertingkatkan rantai antara pembekal dan pengeluar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekurangan prasarana di Sabah khususnya di Sandakan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, kerajaan sememangnya menyedari bahawa terdapat pelbagai constraint, dengan izin, untuk membangunkan sektor perindustrian di Sabah. Ini termasuk masalah kekurangan prasarana seperti bekalan elektrik, air dan kemudahan komunikasi. Menyedari akan hakikat ini, kerajaan telah mengambil tindakan jangka pendek dengan melaksanakan projek bekalan elektrik secara fast track, dengan izin, menggunakan janakuasa gas hidro

derivatif. Untuk tujuan tersebut, sebanyak RM125 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam telah diluluskan. Untuk jangka masa sederhana pula, sebanyak 50 megawatt di Melawar, 120 megawatt di Karamunai, 36 megawatt di Tawau dan 66 megawatt di Sandakan akan dibekalkan dengan tenaga elektrik tambahan melalui projek-projek Independent Power Producer (IPP), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kekurangan bekalan air, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk mengkaji serta mencari alternatif bagi mengatasi masalah ini. Ekoran daripada kajian tersebut, kerajaan telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta pada tahun 1995 dan RM132 juta bagi tahun 1996. Melalui rancangan pembangunan prasarana yang berterusan di negeri Sabah ini termasuk di kawasan Sandakan, adalah dijangka bahawa masa depan perindustrian di negeri Sabah lebih baik. Selain daripada insentif-insentif sedia ada yang ditawarkan oleh kerajaan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 bertujuan untuk membangunkan sektor perkilangan, pertanian dan pelancongan di Malaysia terdapat juga insentif-insentif tambahan khususnya untuk negeri Sabah, Sarawak dan negeri-negeri pantai timur Semenanjung iaitu insentif-insentif pelaburan di bawah pembangunan koridor timur. Insentif ini dijangka dapat menarik lebih ramai lagi pelabur untuk melabur di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan juga mencadangkan agar mempergiatkan industri berdasarkan pertanian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pertanian negara telah memberi penekanan kepada pembangunan industri berdasarkan pertanian dengan memperkukuhkan lagi aktiviti-aktiviti hiliran yang mempunyai nilai ditambah tinggi, memperluaskan saluran penggunaan bahan mentah

pertanian tempatan di dalam perindustrian pemerosesan makanan serta menggalakkan pertumbuhan industri berdasarkan pertanian secara bersepadu. Pelan induk perindustrian juga menggariskan strategi yang sama ke arah pembangunan industri berkenaan.

Dalam usaha untuk membangunkan industri berdasarkan pertanian ini, kerajaan telah menawarkan pelbagai insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 seperti pemberian taraf perintis dan elaun cukai pelaburan kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan dan menjalankan aktiviti berdasarkan pertanian yang disenaraikan sebagai keluaran-keluaran atau aktiviti-aktiviti yang digalakkan.

Berhubung dengan kawasan perdagangan zon bebas yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, suka dimaklumkan bahawa pewujudan sesuatu kawasan zon perdagangan bebas adalah salah satu usaha kerajaan bagi tujuan pembangunan ekonomi sesuatu kawasan. Tindakan ini didapati tidak bertentangan dengan perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang membenarkan pembangunan kawasan tertentu oleh negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu supaya pelabur asing menggunakan insentif-insentif yang sedia ada seperti insentif untuk pembangunan teknologi tinggi, adalah dimaklumkan bahawa pelabur asing sememangnya digalakkan untuk menggunakan insentif yang sedia ada seperti insentif untuk industri berteknologi tinggi dengan syarat keluaran atau aktiviti yang dicadangkan termasuk dalam senarai keluaran dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan projek-projek yang dicadangkan memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan.

Bagi syarikat berteknologi tinggi, ia mesti memenuhi dua kriteria yang berikut:

- (i) perbelanjaan pendidikan dan pembangunan tempatan kepada jumlah kasar jualan tahunan hendaklah sekurang-kurangnya 1%; dan
- (ii) peratus graduan sains dan teknikal kepada jumlah pekerja hendaklah sekurang-kurangnya 7%.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai usaha-usaha yang perlu diambil bagi memajukan industri perkilangan kereta tempatan dengan menjadikan bertaraf world scale production, dengan izin, perkara ini sedang dilakukan oleh pihak Proton dan juga Perodua. Pihak industri perkilangan kereta tempatan....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Saya jawab dahulu, ya.

Saya ingin mengenalpastikan dua perkara utama yang perlu dipertingkatkan untuk memastikan industri perkilangan kereta tempatan menjadi lebih kompetitif serta mendapat tempat yang ketara di pasaran antarabangsa. Dua perkara tersebut ialah:

- (i) pengurangan kos pengeluaran bagi tiap-tiap unit kereta dan yang dihasilkan; dan
- (ii) peningkatan kemahiran technical and product design, dengan izin.

Dengan itu ia akan menjadikan tiap-tiap unit kereta yang dihasilkan itu dapat

bersaing secara berkesan di pasaran tempatan serta antarabangsa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya nampak ada usaha-usaha yang dibuat termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun baru-baru ini pergi ke Tokyo untuk menggalakkan industri komponen kecil, itu adalah satu tujuan yang baik. Walau bagaimanapun, yang saya sebutkan di dalam ucapan saya, walaupun tidak ada masa, tetapi saya ada sebutkan mengenai perlindungan cukai ke atas kereta kita di Malaysia, kerana kalau kita hendak jualan kereta Malaysia di pasaran-pasaran seperti di Amerika Syarikat yang merupakan pasaran motokar yang terbesar di dunia, maka perlindungan cukai ke atas kereta negara lain mesti dikurangkan. Kalau tidak, seperti sekarang pengenaan cukainya lebih RM10,000 setiap unit kepada cukai motokar asing. Jadi, kalau tidak mengikut jadual dalam tempoh 5 tahun atau 7 tahun kita kurangkan kepada kadar perlindungan yang paling rendah, maka macam mana kita boleh menggunakan economy of scale untuk menjual kereta kita kepada negara-negara yang lain? Maksud saya, kita mesti ada satu jadual untuk mengurangkan perlindungannya.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu perkara dalam kajian oleh MITI. Jadi, sama ada bila jadual itu akan dikeluarkan, terpulang kepada pembangunan WTO atau pelaksanaan WTO di dalam masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan kos pengeluaran ianya tidak dapat dielak daripada meningkatkan jumlah pengeluaran untuk mendapat faedah economy of scale, dengan izin, dan bagi meningkatkan kemahiran teknikal iaitu memerlukan pelaburan dan usaha gigih dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, latihan serta pendedahan



kepada teknologi baru dan mempunyai tenaga teknikal terlatih yang mencukupi. Untuk menjadikan industri ini lebih bertaraf world scale production serta menikmati faedah economy of scale, dengan izin, pihak Proton telah meningkatkan kapasiti pengeluarannya daripada 130,000 unit pada tahun 1994 kepada 160,000 di tahun 1995.

Bagi tahun 1996 pula kapasitinya dijangka mencapai 180,000 unit. Beberapa perancangan lain juga telah dibuat seperti cadangan untuk membina kilang pengeluaran sederhana (small volume factory), dengan izin, yang berupaya mengeluarkan sebanyak 50,000 unit kereta setahun di Shah Alam. Dengan siapnya projek itu pada tahun 1997, kapasiti pengeluaran Proton akan mencapai paras 230,000 unit setahun.

Bagi perancang jangka panjang pula, Proton akan membina kilang keduanya di Tanjung Malim. Perak yang dijangkakan akan mula beroperasi pada tahun 1999 dengan kapasiti pengeluaran sepenuhnya sebanyak—juta unit setahun. Usaha-usaha ini juga telah dibuat oleh pihak Perodua di mana mengikut perancangannya, kapasiti pengeluaran Perodua akan dipertingkatkan daripada 45,000 unit setahun di tahun 1995 kepada 70,000 unit setahun pada tahun 1996 dan 100,000 unit menjelang tahun 1997.

Berhubung dengan keperluan untuk meningkatkan kemahiran teknikal serta product design, dengan izin, ianya memerlukan komitmen pihak pengilang untuk membuat pelaburan dan meningkatkan usaha dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, termasuk memberi latihan serta pendedahan kepada teknologi baru dan memastikan tenaga teknikalnya mempunyai latihan dan kemahiran seperti yang diperlukan.

Selain daripada itu, program pertukaran maklumat dan latihan dengan syarikat-

syarikat luar negara yang terlibat secara khusus dalam industry designing and technology improvement, dengan izin, juga akan dilakukan. Adalah dijangkakan bahawa dengan usaha-usaha yang dilakukan ini, pihak pengilang-pengilang kereta tempatan akan berupaya menghasilkan kereta berkos yang lebih rendah dan kompetitif untuk menembusi pasaran antarabangsa dengan lebih agresif.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mencadangkan supaya kerajaan mengurangkan perlindungan pasaran automotif tempatan dan seterusnya menarik balik kemudahan tersebut menjelang tahun 2000 dengan 2005. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ianya telah dimasukkan dalam rancangan kerajaan ke arah itu, seperti yang saya telah jelaskan tadi.

Di bawah obligasi atau MITI role, kerajaan mempunyai komitmen untuk memastikan perubahan-perubahan dasar dibuat mengenai tarif dan sekatan bukan tarif terutamanya yang tidak konsisten dengan Perjanjian Perbadanan Antarabangsa tersebut. Selain daripada itu, negara juga mempunyai komitmen untuk menurunkan tarif dan sekatan bukan tarif di bawah AFTA menjelang tahun 2003.

Bagi membuat persediaan untuk menghadapi suasana pasaran yang liberal kelak, pengilang-pengilang kereta tempatan perlu berusaha lagi menjadikan bertaraf world scale production, dengan izin. Perkara ini sedang dilakukan oleh pihak Perodua dan juga Proton melalui peningkatan kapasiti pengeluaran seperti kemahiran dalam engine and product designing, seperti yang dikatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan meminta kerajaan menarik balik Approved Permit (AP), dengan izin, bagi pengimportan kereta

yang dibawa masuk ke Labuan kerana langkah ini bukan sahaja akan mengurangkan harga kereta, tetapi ia juga akan merangsangkan Labuan supaya muncul sebagai pengedar kereta di rantau ini ataupun sebagai pusat automobile dan supermarket.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk membatalkan kawalan pelesenan import ke atas pengimportan kereta ke Labuan secara khusus.

Walau bagaimanapun, di bawah komitmen negara dengan WTO dan AFTA kerajaan akan meliberalisasikan secara berperingkat-peringkat kawalan sekatan import termasuk pengimportan kenderaan. Dengan langkah kelonggaran secara berperingkat adalah diharapkan industri tempatan yang diberi perlindungan dapat mengukuhkan kedudukan asas untuk bersaing secara terbuka dengan kemasukan barangan import.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pada masa kini, paras harga kenderaan di Labuan adalah jauh lebih rendah oleh kerana duti import tidak dikenakan bagi pengimportan kenderaan ke Labuan, di samping itu pengimport-pengimport yang sedia ada boleh membekalkan kenderaan tanpa cukai kepada para pembeli di Labuan oleh kerana sejak awal tahun ini manamana pengimport yang diluluskan oleh Kementerian boleh mengimport tanpa sekatan kawasan termasuk Labuan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau membangkitkan isu industri yang bersifat capital intensive, dengan izin, memburukkan masalah defisit dan untuk menangani masalah ini beliau mencadangkan supaya negara hendaklah mengurangkan pengimportan barang capital dan menambah pengeluaran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pelaburan yang menekankan

kepada industri yang berintensifkan modal akan memburukkan masalah defisit imbalan perdagangan Malaysia kerana sebahagian besar daripada peralatan dan mesin perlu di import dari luar negeri. Defisit perdagangan yang disebabkan oleh pengimportan peralatan dan mesin adalah untuk sementara waktu sahaja kerana peralatan dan mesin yang diimportkan itu akan meningkatkan keupayaan sektor perindustrian negara untuk mengimport barang keluarannya. Oleh itu untuk jangka panjang peningkatan eksport Malaysia, terutama dari segi barangan perkilangan akan membawa lebih dalam imbalan perdagangan Malaysia.

Mengenai cadangan supaya negara meningkatkan pengeluaran barang modalnya sendiri, adalah dimaklumkan bahawa perkara ini diberikan keutamaan dan dijalankan. Adalah diharapkan dengan peningkatan teknologi dan kemahiran dalam negara, matlamat ini akan dapat dicapai secepat mungkin.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau juga membangkitkan mengenai peningkatan upah tenaga kerja yang meningkat dan seterusnya menjadikan hasil keluaran kurang kompetitif di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan upah tenaga kerja meningkat tidak dapat dielakkan kerana ia bergantung kepada faktor tawaran dan permintaan, supply and demand, dengan izin, ke atas tenaga buruh. Oleh kerana permintaan mengatasi tawaran, terutama sekali dalam situasi negara mengalami guna tenaga penuh (full employment), dengan izin, upah tenaga kerja telah meningkat. Peningkatan upah tenaga kerja tidak semestinya mengakibatkan hasil keluaran kurang kompetitif di pasaran antarabangsa kerana pengeluar boleh meningkatkan kualiti pengeluaran mereka dan menggunakan mesin untuk menggantikan tenaga buruh.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman supaya penyertaan bumiputera dipertingkatkan di dalam industri petroleum terutama yang memerlukan teknologi tinggi, MITI, secara berterusan mengawasinya melalui pengawalan ke atas lesen pengilang dan melalui kelulusan ke atas galakan-galakan yang diberi kepada industri-industri berkaitan.

Mengenai cadangan supaya kemasukan expatriate, dengan izin, dikawal bagi memberi peluang kepada golongan profesional tempatan, buat pada masa ini jawatan-jawatan penting di dalam industri ini dipegang oleh rakyat asing kerana kekurangan rakyat Malaysia terutama bumiputera untuk menjadi profesional dalam industri ini. Industri petroleum adalah industri yang berintensifkan modal dan berteknologi tinggi. Dalam usaha untuk meningkatkan jumlah profesional dalam industri ini, kerajaan telah menubuhkan universiti petroleum yang akan berfungsi untuk mengeluarkan tenaga-tenaga mahir di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera berkenaan dengan NPC, sesungguhnya tanggungjawab meningkatkan produktiviti melalui TFP adalah tanggungjawab bersama sektor swasta dan kerajaan sama ada di peringkat organisasi atau negara. Dalam hal ini peranan NPC adalah untuk mempergiatkan program-program peningkatan produktiviti dan kualiti melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan, latihan dan pembangunan sistem pengurusan serta promosi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kerajaan menggalakkan IKS, mempertingkatkan tahap teknologi IKS menerusi automasi dan modenisasi aktiviti perkilangan mereka. Bagi tujuan

meningkatkan produktiviti dan kualiti syarikat-syarikat IKS adalah perlu menggunakan kemudahan-kemudahan latihan yang disediakan oleh agensi-agensi latihan dan kemahiran kerajaan di samping yang dikendalikan oleh sektor swasta bagi tujuan kecekapan dan keberkesanan pengurusan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Marang, Arau, Rompin dan Lipis menyarankan supaya kerajaan memberikan keutamaan dan galakan kepada pembangunan IKS di luar bandar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, MITI akan sentiasa berusaha untuk mengimbangi pembangunan perindustrian negara di seluruh negara dengan mendirikan kawasan-kawasan perindustrian bagi IKS dengan kerjasama kerajaan negeri dan Malaysian Industrial Association Sdn. Bhd (MIEL) dengan izin. Beberapa program sokongan seperti pemberian mesin, penyediaan latihan, kemudahan pasaran dan infrastruktur telah dilaksanakan. Sejumlah 18 kawasan perindustrian baru seluas 433 hektar telah dibangunkan oleh beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, pinjaman sebanyak RM486 juta akan diperuntukkan terutama untuk perindustrian Damak Laut di Sarawak, Taman Perindustrian Kota Baru di Sabah, Taman Perindustrian Gebeng, Fasa 2 di Pahang dan Taman Perindustrian Telok Kalong, Fasa 2 di Terengganu.

Selaras dengan teras pembangunan industri negara yang memberi penekanan kepada R&D dan pemindahan teknologi, MITI sememangnya memberi penekanan kepada program pembangunan untuk peningkatan teknologi, kualiti dan produktiviti di kalangan IKS. Beberapa skim yang ada pada masa ini disediakan oleh kerajaan seperti skim pinjaman mudah modenisasi, tabung bantuan teknikal perindustrian adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap teknologi IKS.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan teknologi IKS. MITI melalui Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (MINDEB), dengan izin, akan merangka program-program yang baru bagi meningkatkan lagi tahap teknologi di kalangan IKS agar R&D, produktiviti, kualiti akan menjadi satu budaya pengeluaran IKS. Kerajaan telah merancang di bawah RMK-7 untuk menarik syarikat-syarikat perkilangan terutama syarikat-syarikat IKS seperti cottage industry, dengan izin, dan industri-industri yang sesuai ditempatkan di luar bandar dengan menyediakan program-program sokongan seperti pembekalan mesin, penyediaan latihan-latihan berkaitan, membantu dalam pemasaran serta menyediakan kemudahan infrastruktur asas.

Mengenai cadangan supaya usaha untuk mengawal defisit diperhebatkan lagi agar pelaburan negara tidak terlalu bergantung kepada pelabur asing yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keluang. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan pada bulan April 1993 telah melancarkan Dasar Pelaburan Domestik atau dengan izin, Domestic Investment Initiative.

Objektif utama dasar ini ialah supaya negara mencapai sasaran nisbah 60% pelaburan domestik dan 40% pelaburan asing. Berdasarkan kepada projek-projek yang diluluskan dalam tahun 1995, pelaburan domestik ialah 56.2% dan pelaburan asing ialah 43.8% berbanding dengan nisbah tahun 1994 iaitu 50.6% pelaburan domestik dan 49.4% pelaburan asing.

Di samping itu, untuk memberi kesedaran kepada pelabur-pelabur tempatan dalam tahun 1995 MITI telah mengadakan lima seminar pelaburan domestik iaitu di Alor Setar, di Kota

Bharu, Kuantan, Seremban dan Johor Bahru. Dalam seminar tersebut, tumpuan diberi untuk menjelaskan dasar-dasar kerajaan mengenai kegiatan perkilangan, intensif yang ditawarkan oleh kerajaan, bantuan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan dan institusi-institusi kewangan dan juga prosedur dan garis panduan untuk permohonan bagi mendapatkan kelulusan yang perlu. Kumpulan sasaran utama seminar ialah pelabur-pelabur tempatan terutama sekali bakal-bakal pelabur dalam industri-industri sokongan kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu yang penting, yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang dikemukakan. Perkara tersebut akan diambil perhatian dan tindakan susulan akan diambil dengan sewajarnya. Sekianlah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Pertanian.

4.52 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dari Marang, Santubong, Kapit, Yan, Larut, Tanjong Karang, Kuala Terengganu, Pasir Puteh, Sri Aman, Seremban, Selangau, Lanang, Tuaran, Bagan, Parit Buntar, Bukit Bintang dan Muar yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalannya dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang, Terengganu telah

membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pertanian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) merancang untuk membina dan meningkatkan beberapa buah kompleks pendaratan ikan di beberapa tempat yang telah dikenal pasti. Pembinaan kompleks-kompleks ini akan dibuat secara bersepadu dengan mengambil kira keperluan-keperluan pendaratan bot laut dalam, bot tradisional, peralatan pengendalian yang moden dan pembangunan industri hiliran/hulu yang berkaitan dengan industri perikanan negara. Tujuh buah kompleks pendaratan yang baru telah dikenal pasti iaitu di Labuan, Kuala Rajang, Endau, Kuala Linggi, Pontian, Pulau Carey dan Kuala Kedah manakala tiga buah kompleks utama iaitu di Kuantan, Chendering dan Batu Maung akan dipertingkatkan keupayaan pengendaliannya. Sebanyak 11 buah jeti kecil telah dikenal pasti untuk diselenggarakan ataupun diperbaiki bagi memudahkan aktiviti pendaratan khususnya bagi bot-bot tradisional di seluruh negara.

LKIM juga merancang untuk menjadikan kompleks Pendaratan Ikan LKIM sebagai pusat pertumbuhan, perdagangan, maklumat dan juga pusat perkembangan nelayan. LKIM juga akan menyediakan kemudahan bagi aktiviti 'pemprosesan' ikan dan lain-lain aktiviti hiliran. Pihak swasta dan nelayan melalui Persatuan Nelayan digalakkan menyertai aktiviti pemprosesan ini di kawasan yang disediakan di Kompleks-kompleks Pendaratan Ikan LKIM. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini di kompleks tersebut, semua ikan yang bernilai rendah atau muranserta ikan-ikan yang didaratkan bermusim dengan kuantiti yang banyak dapat diproses dan menambahkan nilai ditambah produk-produk ikan tersebut. LKIM juga telah berusaha untuk

menambah bekalan ikan negara melalui penambahan pengeluaran bilangan lesen untuk mengimport ikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah nelayan yang hidup di bawah paras kemiskinan, LKIM melalui program-program pembangunannya sentiasa menjalankan aktiviti atau projek yang sesuai bagi meningkatkan taraf hidup mereka melalui khidmat sokongan penasihat, pembangunan perikanan laut dan pembangunan akuakultur.

Dalam meningkatkan taraf hidup para nelayan, LKIM juga melibatkan isteri dan anak-anak nelayan dalam kursus kemahiran dan aktiviti-aktiviti ekonomi. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, beberapa projek telah dirangkakan. Di antara projek-projek ini termasuklah kilang memproses udang dan ikan tuna, projek penetasan udang harimau dan ikan air payau, projek ternak ikan atau udang dalam kolam dan projek tiram.

Dalam membantu nelayan-nelayan yang berada di bawah paras kemiskinan, LKIM juga berusaha untuk melibatkan mereka dalam aktiviti-aktiviti ekonomi seperti mengambil nelayan sebagai peserta atau pekerja, nelayan boleh menjual terus hasil tangkapan mereka dengan harga yang berpatutan, memberi alternatif kepada nelayan supaya selain daripada ke laut mereka boleh juga menjalankan aktiviti sampingan seperti menternak dan memproses hasil pertanian.

Di samping itu, LKIM juga mengadakan bantuan skim Pinjaman Khas Pertanian, unjam-unjam, Program Pembangunan Rakyat Termiskin dan aktiviti agrotourism untuk menambahkan pendapatan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM37.4 juta telah diperuntukkan untuk program

pembangunan perikanan yang akan memberi kesan secara langsung kepada nelayan. Ini meliputi Program Pembangunan Masyarakat Nelayan, Program Pembangunan Perikanan Laut Dalam, Program Khidmat Sokongan Pemasaran dan Program Khidmat Sokongan Akuakultur.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memberi perhatian kepada petani-petani dengan memberi latihan dalam penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian serta meminta kerajaan menyelesaikan masalah mengenai kebakhilan kerajaan negeri untuk memberi tanah dan hak milik kepada petani-petani.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan teknologi baru dan moden yang berterusan oleh petani-petani adalah merupakan faktor yang terpenting bagi mempercepatkan transformasi sektor pertanian kepada sektor yang lebih dinamik, moden, komersial dan mampan berlandaskan kepada kuasa pasaran, pembangunan sumber manusia dan teknologi selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara (DPN).

Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian akan terus memperkukuhkan lagi program perkhidmatan pengembangan dan khidmat nasihat dengan melatih, membimbing dan memindahkan teknologi pertanian kepada petani-petani, agar dapat menghasilkan perubahan sikap mereka supaya lebih bersedia menerima dan mengamalkan teknologi baru. Adalah menjadi matlamat program ini untuk melahirkan petani dan usahawan tani yang mengusahakan projek pertanian secara komersil. Seramai 115.000 petani dan usahawan tani dicadang untuk diberi latihan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Latihan dan khidmat nasihat yang berterusan akan memberi tumpuan kepada

penerapan ilmu dan kemahiran dalam bidang teknikal dan pengurusan yang merangkumi aktiviti-aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran pertanian. Latihan keusahawanan juga akan terus dipertingkatkan di dalam bidang pengurusan pengeluaran, pengurusan maklumat, pengurusan perancangan, pengurusan perniagaan, pengurusan pemasaran dan kemahiran 'networking'.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedar akan berlakunya masalah kekurangan tanah pertanian yang sedia ada dan kesukaran untuk mendapatkan kawasan baru untuk pertanian di negeri-negeri. Keutamaan penggunaan tanah adalah diberikan kepada sektor-sektor lain seperti perindustrian dan perumahan dan dapat memberi pulangan yang tinggi dan cepat kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk membangunkan pertumbuhan sektor pertanian, Kementerian Pertanian sentiasa berusaha untuk memastikan tanah-tanah untuk pertanian terutamanya bagi pengeluaran komoditi makanan dapat dikekalkan. Walaupun pembahagian penggunaan tanah dan hakmilik adalah kuasa kerajaan negeri, Kementerian Pertanian sentiasa berusaha untuk mendapatkan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri supaya mengezonkan kawasan-kawasan tertentu terutamanya bagi pengeluaran tanaman makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.

Pengeluaran tanaman makanan juga boleh diperluaskan ke kawasan-kawasan tanah terbiar yang terdapat seluas hampir 560 ribu hektar di seluruh negara. Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memulihkan dan mempertingkatkan produktiviti tanah-tanah terbiar dengan mewujudkan sistem maklumat tanah yang lebih sistematik, mempertingkatkan lagi program penyatuan dan pemuliharaan tanah melalui konsep 'landlord-in-trust' oleh Pertubuhan Peladang Kawasan, Felcra

dan pihak swasta dan seterusnya menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan tanah terbiar oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang juga telah menyeru Kementerian Pertanian supaya merangka satu program jangka panjang untuk menjadikan negara sebagai pengeluar daging utama di rantau ini. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada pengeluaran daging dengan menggunakan strategi penternakan integrasi dengan tanaman kekal. Sejumlah 17 kawasan telah dikenal pasti untuk tujuan penternakan. Kerajaan akan terus menyokong penglibatan dalam aktiviti penternakan dari kalangan perladangan getah dan kelapa sawit untuk meningkatkan produktiviti serta menggalakkan penggunaan sumber secara optimum melalui perkhidmatan veterinar, khidmat nasihat dan juga bekalan genetik dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Santubong telah mengingatkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta pertanian dijangka akan menurun dari 13.6% (1995) kepada 10.5% (2000). Oleh itu, harus dikaji semula Dasar Pertanian Negara dengan pengurusan sumber pertanian secara lebih cekap dengan penglibatan sektor swasta khususnya dalam keluaran komoditi makanan, meningkatkan daya saingan dengan pasaran yang lebih liberal, penjimatan buruh melalui mekanisasi dan automasi, mempergiatkan usaha penyelidikan dan pembangunan dalam aktiviti-aktiviti hiliran untuk meningkatkan industri berasaskan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Santubong adalah benar

bahawa dengan perkembangan ekonomi yang pesat, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK akan menurun daripada 13.6% dalam tahun 1995 kepada 10.5% dalam tahun 2000, tetapi dari segi nilai ditambah sumbangan sektor pertanian dijangka akan meningkat dari RM16,406 juta dalam tahun 1995 kepada RM18,900 juta dalam tahun 2000. Kementerian Pertanian bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Santubong bahawa langkah-langkah perlu diambil untuk mempergiatkan pengeluaran makanan dalam skala yang besar dan meningkatkan produktiviti pengeluaran pertanian supaya keluaran Malaysia dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa yang makin liberal.

Ini adalah akibat Perjanjian Pusingan Pelbagai hala Uruguay di mana semua negara anggota mengambil langkah-langkah untuk membuka pasaran kepada import. Di rantau ini juga, pasaran bagi keluaran pertanian yang diproses dan bukan diproses telah dilonggarkan hasil daripada pengwujudan Zon Perdagangan Bebas Asean (AFTA). Dalam usaha menghadapi cabaran masa hadapan, Kementerian Pertanian akan mengkaji semula Dasar Pertanian Negara bagi mengenalpasti kelemahan-kelemahan supaya dapat menyusun semula strategi-strategi dan program-program baru yang digubal. Strategi-strategi dan program-program yang digubal akan menumpukan kepada peningkatan produktiviti, mempercepatkan usaha memodenkan sektor pertanian dan meningkatkan mekanisasi ladang.

Untuk meningkatkan pengeluaran makanan, kementerian telah mengadakan dialog dengan syarikat-syarikat perdagangan dan ahli perniagaan yang terlibat dalam pengeluaran pertanian untuk menggalakkan mereka memperuntukkan sebahagian tanah yang ditanam dengan kelapa sawit dan lain-lain untuk tanaman makanan. Selain dari itu, kerajaan juga

telah menggalakkan syarikat-syarikat tersebut melabur dalam tanaman makanan di kawasan pembangunan segitiga dan negara-negara jiran seperti Vietnam, Kemboja dan Myanmar.

Pihak MARDI juga sedang membantu syarikat-syarikat perladangan dalam menyediakan senarai keluaran pertanian yang boleh dimajukan secara kompetitif di Malaysia selain daripada membuat kajian untuk membangunkan industri hiliran keluaran pertanian khususnya makanan.

Tuan Yang di-Pertua, Pembangunan IADP Samarahan akan memberi penumpuan kepada peningkatan membaikkan pertumbuhan infrastruktur. Dari segi pemodenan pertanian, penekanan akan diberi kepada program-program pertanian secara berkelompok yang berpotensi komersil, pembangunan usahawanan tani dan pembangunan komoditi kelapa sawit dan usaha akan diambil untuk mewujudkan petani yang mahir dan berdaya maju selaras dengan Dasar Pertanian Negara untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan tumbuhan-tumbuhan yang cekap.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, pembangunan pertanian akan memberi tumpuan kepada perusahaan pertumbuhan sektor pertanian secara komersil dan berteraskan kepada kuasa pasaran. Program-program yang akan menjadi teras utama dan diberi tumpuan adalah seperti berikut:

- (i) program infrastruktur perparitan dan jalan untuk membangunkan kelapa sawit;
- (ii) program pembangunan tanaman nenas untuk dieksport segar;
- (iii) kemudahan teknologi yang moden untuk mewujudkan golongan petani yang mahir,

cekap dan lebih produktif melalui pendidikan, pengembangan pertanian dan pembangunan sumber manusia.

- (iv) pertumbuhan infrastruktur kecil ladang, terutama buah-buahan; dan
- (v) pengawasan pengurusan yang lebih cekap dan berkesan.

Pendekatan strategi yang akan digunakan dalam pelaksanaan program ini adalah berbeza daripada rancangan pertanian yang telah lepas. Program pembangunan dan pertanian akan berunsurkan ciri-ciri komersil berasaskan teknologi moden dan berpandukan kepada kawasan-kawasan dan memberi fokus kepada kawasan ataupun produk. Manakala program akan memberi penumpuan kepada peningkatan infrastruktur dan kemudahan pemasaran. Melalui kemudahan yang akan disediakan ini akan memberi peransang kepada golongan sasar supaya mereka dapat menukar dan mengubah haluan ke arah amalan yang lebih cekap, produktif dan boleh mencapai pendapatan yang tinggi dan stabil dan menikmati kualiti hidup yang lebih selesa selaras dengan hasrat dan matlamat Dasar Pertanian Negara dan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Santubong juga telah meminta pihak MARDI dan FAMA mengkaji beberapa kemungkinan untuk membangunkan beberapa projek seperti model "production project", saluran termasuk kemudahan infrastruktur di beberapa kawasan yang berpotensi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan tersebut adalah sesuai dan tepat pada waktunya. Mardi bersedia untuk memberikan bantuan teknikal untuk projek ini. Walau bagaimanapun, peranan Mardi ialah dalam memberi khidmat nasihat sahaja dari segi



teknikal. Pejabat Mardi Sarawak dengan sokongan kepakaran dari pejabat di Kuala Lumpur boleh digabungkan untuk menyokong projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Santubong juga telah menyeru supaya pembangunan IADP disusun semula dan diperbanyakkan khususnya di Sarawak berasaskan konsep integrasi di mana pelbagai perkumpulan pertanian termasuk pengeluaran input, pengeluaran, pemerosesan dan perkhidmatan yang berkaitan dapat disediakan.

Beliau juga meminta penjelasan dari kementerian sama ada kementerian akan membuat perancangan untuk menerokai tanah-tanah di Sarawak yang keluasannya lebih besar, termasuk tanah gambut dan tanah terbiar, khasnya untuk program pembangunan pertanian di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini IADP Samarahan dan IADP Kalaka-Saribas sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di Sarawak. Program kedua-dua IADP ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Pada masa yang lalu, komponen IADP bukan sahaja terlibat dalam pembangunan infrastruktur dan menyediakan khidmat sokongan yang berkaitan, tetapi juga terlibat secara langsung dengan pengeluaran, pemerosesan dan pasaran komoditi pertanian yang dikeluarkan dalam kawasan IADP berkenaan.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, di mana sekali, pembangunan IADP akan berasaskan kepada konsep integrasi secara menegak di mana sektor swasta, termasuk pertubuhan-pertubuhan peladang digalakkan terlibat secara lebih aktif dalam pengeluaran, pemerosesan, pemasaran dan lain-lain aktiviti yang berkaitan, manakala

kerajaan akan hanya memainkan peranan sebagai pemudahcara dan pemangkin dalam pembangunan pertanian di Sarawak.

Bagi tempoh 1996—2000, kerajaan telah meneruskan pembangunan kawasan Hilir Saribas untuk tanaman komersil, manakala kawasan Daro-Mukah akan juga dimajukan untuk tanaman kelapa sawit jika ianya didapati sesuai dan berdaya maju.

Memandangkan Sarawak mempunyai kawasan yang amat luas, termasuk tanah gambut dan tanah terbiar, kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi pembangunan pertanian di negeri tersebut, terutamanya untuk tanaman komersil dan akuakultur yang mungkin akan melibatkan pengwujudan industri pemerosesan dan yang berasaskan pertanian.

Berkaitan dengan cadangan untuk menanam padi di Sarawak pula, jika didapati sesuai dari segi teknikal dan berdaya maju, kita akan mengkajinya terlebih dahulu dari segi kewangan dengan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut telah juga meminta kerajaan membina Maktab Pertanian di Larut untuk meningkatkan bilangan pakar dalam bidang pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk membina maktab pertanian yang baru di Larut. Ini adalah kerana di Universiti Pertanian Malaysia dan 8 buah institut latihan pertanian di seluruh negara adalah mencukupi dan telah dapat mengeluarkan pelatih-pelatih mahir dalam berbagai disiplin pertanian yang diperlukan oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut juga telah membangkitkan persoalan mengenai banyak lagi tanah-tanah terbiar dan sawah yang tertinggal berpuluh-puluh tahun tidak dilaksanakan kerana kekurangan tenaga.

Jentera-jentera moden perlu dihantar ke kampung-kampung dan petani-petani akan diberi kursus yang wajar untuk mengeluarkan hasil padi dan bahan-bahan yang bermutu tinggi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dasar kementerian adalah untuk menggalakkan penggunaan jentera yang bersesuaian dalam semua aspek aktiviti pertanian bagi meningkatkan daya pengeluaran pertanian serta mengatasi kekurangan tenaga buruh yang dihadapi oleh sektor pertanian.

Jabatan Pertanian, KADA dan IADP menyediakan khidmat kejenteraan kepada petani-petani termiskin yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan ini dari pihak swasta. Selain daripada perkhidmatan yang disediakan oleh sektor swasta, pusat Mekanisasi Ladang di bawah Persatuan Peladang Negeri juga ada menyediakan perkhidmatan kejenteraan yang berunsur komersil.

Bagi menggalakkan petani-petani dan pengusaha pertanian memiliki jentera pertanian, kementerian akan menyediakan Skim Pinjaman Mekanisasi dan Automasi Pertanian di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Jabatan dan agensi di bawah kementerian sentiasa memberi kursus kepada petani-petani bagi meningkatkan penggunaan teknologi moden. Sebagai contoh, Jabatan Pertanian memberi latihan dan demonstrasi kepada petani-petani dalam cara-cara mengendalikan traktor 2 roda, traktor 4 roda, penyelenggaraan jentera-jentera pertanian dan cara meratakan sawah menggunakan kaedah panduan laser.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Larut berkenaan dengan keperluan untuk memodenkan sektor pertanian dengan penggunaan dan pengaliran teknologi-teknologi dan inovasi-inovasi canggih dan baru.

Kerajaan sedar bahawa usaha-usaha perlu ditingkatkan untuk memperluaskan ladang buah-buahan. Kerajaan telah dan sedang mengambil berbagai tindakan untuk menambahkan pengeluaran buah-buahan, khasnya buah-buahan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi untuk dieksport. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah menanam buah-buahan di kawasan-kawasan tanah padi pinggir atau marginal paddy land di Projek-projek Pertanian Bersepadu (IADP) yang tidak termasuk di bawah tanaman padi. Syarikat perladangan juga digalakkan untuk memperuntukkan sebahagian tanah untuk tanaman buah-buahan secara komersil. Kerajaan Pusat juga dengan kerjasama Kerajaan Negeri bercadang mengezonkan tanah pertanian mengikut potensinya dan ini akan juga memastikan bahawa tanah-tanah yang sesuai untuk buah-buahan ditanam dengan buah-buahan sahaja.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat dari Larut sedar, kerajaan juga menggalakkan Malaysia sebagai pusat pemprosesan keluaran makanan dan didapati pemprosesan buah-buahan mempunyai daya saing bagi pasaran luaran yang sentiasa meningkat. Ini akan dapat mendorong sektor swasta untuk melibatkan diri dalam tanaman buah-buahan dan insentif-insentif juga telah diberi untuk mereka menjalankan aktiviti pertanian secara bersepadu atau integrated farming, dengan izin.

Pihak MARDI juga sedang mempergiatkan penyelidikan dalam bidang teknologi dan preservation untuk menambahkan shelf life, dengan izin dan mengurangkan kerugian post harvest.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Larut, kerajaan telah pun menyediakan berbagai insentif untuk sektor pertanian dan berpendapat ia adalah memadai.

Kementerian juga sedang mengkaji semula Dasar Pertanian Negara yang akan

mengenalpasti kelemahan-kelemahan dan mengambil tindakan untuk menggubal program-program dan strategi-strategi yang praktikal dan sesuai mengikut keadaan semasa. Dalam hubungan ini, kementerian akan meneliti usaha-usaha yang diambil oleh negara seperti Thailand yang mempunyai sektor pertanian yang lebih kompetitif dan berorientasikan komersil.

Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memulihkan tanah-tanah terbiar dan usaha ini akan dipergiatkan memandangkan kekurangan tanah bagi tujuan pertanian, khasnya di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut juga meminta Menteri Pertanian memelihara parit-parit, sungai-sungai supaya terjaga dengan baik bagi kegunaan air untuk ladang dan minuman kerana keindahan sungai pada hari ini hanya indah di tempat perasmian, tetapi di hulu dan di hilir tidak ada keindahan seperti yang diharapkan oleh rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara kita mempunyai lebih kurang 1,800 batang sungai, besar dan sederhana dengan jumlah panjangnya melebihi 38,000 kilometer. Berbagai usaha dan tindakan sedang dan akan terus diambil dalam menjaga dan memelihara sungai-sungai di negara ini.

Setiap tahun, Kerajaan Pusat melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah membelanjakan purata RM8 juta untuk memelihara sungai-sungai di negara ini. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga mengeluarkan peruntukan yang berasingan bagi tujuan yang sama. Penguatkuasaan undang-undang juga merupakan satu aspek penting dalam pemeliharaan sungai.

Pada masa kini, usaha sedang diambil supaya penguatkuasaan bersepadu dan selaras dapat dijalankan di antara agensi-agensinya terlibat.

Menyedari kepentingan peranan orang ramai dalam usaha sama menjaga dan memelihara sungai-sungai kita, Kementerian Pertanian melalui JPS dan agensi-agensinya dan jabatan lain serta badan-badan kerajaan telah memulakan kempen 'Cintailah Sungai Kita' pada tahun 1993. Sehingga kini, kempen kesedaran ini telah mendapat sokongan yang memuaskan dan telah menjadi satu program yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah membangkitkan persoalan mengenai beras dan peranan Bernas. Menurutnya walaupun Tanjong Karang merupakan periuk nasi negeri Selangor tetapi sekarang ini kita bukan sahaja sukar mendapatkan beras malah ladang beras juga kekurangan padi untuk diproses. Oleh itu, Bernas tidak perlu memainkan peranan sosial seperti membekalkan beras kepada pasaran dengan harga yang berpatutan kepada pengguna. Menurutnya masalah ini ditimbulkan disebabkan harga beras yang disebabkan oleh beberapa perkara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada musim menuai padi yang lalu iaitu musim 1995, Bernas melalui empat kompleks di negeri Selangor dan dua kilang pusat belian Bernas telah membeli padi di kawasan Sungai Besar, Tanjong Karang dan Sabak Bernam sebanyak 58,351 tan bersamaan 37,328 metrik tan beras. Berdasarkan kepada bekalan beras tempatan untuk tempoh 6 bulan serta bekalan bagi sembilan pemborong di kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam sebanyak 15,600 metrik tan bekalan beras daripada Bernas adalah mencukupi dan sepatutnya tidak menimbulkan masalah. Malahan semasa bekalan beras di kawasan-kawasan

Tanjong Karang dan Sabak Bernam dikatakan berlaku pada bulan April, kemungkinan disebabkan Bernas telah memindahkan sebahagian daripada beras-beras tersebut ke negeri-negeri lain untuk dipasarkan. Dalam perjanjian penswastaaan di antara kerajaan dengan Bernas, Bernas masih lagi bertanggungjawab dalam bidang berikut:

- (i) memastikan harga beras berpatutan dan stabil kepada pengguna tercapai;
- (ii) bekalan ke seluruh Malaysia adalah sentiasa cukup dan keperluan sentiasa cukup;
- (iii) kualiti dan mutu beras dikekalkan mengikut yang terkandung dalam akta dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawalan harga beras, Perintah (Beras, Kawalan Gred dan Harga) 1992 telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1993. Melalui perintah ini terdapat enam gred beras iaitu standard, premium, premium super, beras rebus, beras pulut dan beras hancur. Bagi memastikan beras gred standard dan premium terdapat di pasaran, Bahagian Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian telah mengeluarkan arahan bertulis dan mengenakan syarat khas kepada 364 pelesen kilang padi komersil seluruh negara mewajibkan pengilang tersebut mengeluarkan tidak kurang daripada 30% beras gred premium dan standard untuk dipasarkan.

Mengenai kegiatan memproses semula beras gred premium dan standard dan dijual sebagai gred super, arahan seperti di atas telah juga dikeluarkan kepada 1,437 pelesen pemborong beras di seluruh negara supaya tidak menaikkan beras premium dan standard kepada gred super. Syarat-syarat ini telah juga dicatatkan dalam lesen beras borong.

Bahagian Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian akan sentiasa membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa supaya arahan-arahan ini dipatuhi.

Memandangkan harga beras gred super tidak dikawal, harga beras yang dijual adalah mengikut pasaran terbuka. Walau bagaimanapun, pengguna-pengguna mempunyai pilihan untuk membeli beras mengikut pilihan mereka kerana harga jualan beras gred super dijual berdasarkan kualiti dan kandungan beras hancur di dalam beras tersebut.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Dengan ini terdapat harga beras yang tinggi. Saya habiskan, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan ini terdapat harga beras gred super yang tinggi dan rendah dan terpulanglah kepada pengguna untuk membuat pilihan.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya ingin mendapatkan penjelasan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan arahan-arahan telah pun diberi kepada pemborong dan juga peruncit beras supaya beras premium dan standard itu jangan dinaikkan kepada standard super. Jadi, daripada arahan yang telah diberi, adakah arahan ini telah dipatuhi dan ada kes-kes tertentu yang mana pemborong atau peruncit ini telah mencampurkan beras standard dan premium ini untuk menjadikan beras super.

Yang kedua, adakah kerajaan bercadang supaya harga beras super ini juga dijadikan harga kawalan supaya harga beras ini tidak mudah dinaikkan?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, kita sedang mengadakan kawalan harga dan juga kita sedang mengadakan apa yang dikatakan checks yang kita jalankan dan kalaulah terdapat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu yang melampaui ataupun tidak ikut arahan, kalau terdengar beritahulah kami. Kami akan terus menentukan arahan itu diikuti.

Yang kedua, buat masa sekarang ini, kerajaan tidak bercadang mengeluarkan gred super sebab ini adalah apungan. Kita akan terus mengapungkan gred super dan selalunya yang membeli gred super ini ialah mereka yang berpendapatan tinggi seperti Yang Berhormat dari Yan. (*Ketawa*) Merekalah yang hendak makan beras gred super dan kita cukuplah dengan gred yang berpatutan. Berhubung dengan beras...

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Allah...! (*Ketawa*)

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak dapat penjelasan. Adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa pada hari ini di pasaran kita amat sukar mendapat beras standard dan premium dan hendak tambah lagi satu, adakah ini kemungkinan telah berlaku sindiket sorok beras premium dan standard ini yang menyebabkan orang kampung pada hari ini susah hendak dapat beras yang murah ini. Orang kampung pun sudah terpaksa beli beras yang dimakan oleh Yang Berhormat dari Yan juga—beras yang mahal, sedangkan gred standard dan premium ini sepatutnya memudahkan orang-orang yang kurang berada untuk mendapat beras, sebab di pasaran sudah tidak ada beras ini.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang prihatin perkara ini dan kalau terdapat perkara itu berlaku, buat sementara ini kita belum dapat apa-apa laporan berkaitan dengan kegiatan ini tetapi kita telah mengatakan bahawasanya tiap-tiap pengilang hendaklah mengeluarkan 30% daripada...

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Suliman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Saya hendak jawab dulu. Belum habis jawab lagi. Jadi, kita telah mengeluarkan arahan supaya tiap-tiap kilang mengeluarkan 30% daripada gred yang rendah ini. Pihak Kawalselia Kementerian Pertanian akan terus memastikan perkara ini dapat dilakukan dan kalau terdengar kawasan-kawasan yang melibatkan perkara ini, Yang Berhormat beritahulah kepada pihak kementerian dan insya-Allah kami akan terus menyerbu ataupun mengambil tindakan sewajarnya.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Suliman:** Saya ingin penjelasan. Walaupun Yang Berhormat kata tadi kementerian tidak mengetahui tentang adanya ataupun kekurangan beras standard dan premium tadi, sebenarnya di kawasan saya sendiri iaitu di Parit Buntar memang tidak dapat beras standard dan premium ini. Semua beras yang dijual adalah beras super. Jadi, saya diberitahu bahawa para penjual sengaja mencampurkan beras yang standard itu dijadikan super dan dijual dengan harga super kerana ia tidak tertakluk kepada kawalan harga. Sama ada kementerian akan bertindak. Ini bukan khabar-khabar angin, memang sudah berlaku. Jadi, orang kampung merintihlah kerana terpaksa membayar harga yang mahal untuk beras biasa.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai teguran Yang Berhormat dari Parit Buntar, pihak Kementerian Pertanian bersama-sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan bekerjasama dan akan membanteraskan perkara ini. Insyallah.

Berhubung dengan kenyataan beras import dicampurkan dengan beras tempatan dan dijual sebagai beras import, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras sentiasa membuat pemeriksaan ke atas kedai-kedai untuk memastikan perkara ini tidak berlaku, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan telah meminta kerajaan meningkatkan kadar subsidi untuk membantu petani-petani, menggazetkan kawasan-kawasan bendang menjadikan kawasan-kawasan .....

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun sekali lagi.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan saya dahulu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerana pada hari ini padi-padi yang dikeluarkan di Tanjong Karang ini tidak ada satu undang-undang yang boleh menghalang padi-padi ini dijual di luar dari negeri Selangor. Ini menyebabkan kilang-kilang Bernas, walaupun tadi telah dinyatakan metrik tan itu, saya rasa kalau dibandingkan metrik tan yang sepatutnya kilang-kilang Bernas di Tanjong Karang ini perolehi di waktu musim padi jauh lebih rendah sebenarnya. Oleh kerana banyak pihak swasta ini, mereka membeli padi di Tanjong Karang dan mereka jual di luar negeri Selangor. jadi adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu peraturan supaya padi yang dikeluarkan

di Tanjong Karang atau di negeri Selangor ini mestilah dijual di negeri Selangor dan beras ini tidak apa boleh diedarkan ke seluruh negara? Kerana untuk mengelakkan kilang-kilang Bernas khasnya di Tanjong Karang pada hari ini memang kekurangan padi, walaupun di waktu musim padi.

Yang kedua, mengenai beras import ini, adakah pihak kerajaan sedar bahawa terdapat beras wangi pada hari ini dicampurkan dengan wangi tiruan (artificial), yang mana beras ini dia berbau wangi sekejap, tetapi bukannya wangi original—wangi yang dibuat. Jika kerajaan sedar, adakah kerajaan telah menyasat perkara ini dan jika didapati benar, adakah kerajaan bercadang untuk berbincang dengan Kementerian Kesihatan, sama ada wangi artificial ini boleh menyebabkan penyakit kepada pemakannya nanti? Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah pihak kementerian tidak sedar kalau terdapat padi yang 'spare' seperti yang dikatakan itu, memanglah kami tidak sedar. (*Ketawa*)

Mengenai perkara yang dikatakan wangi artificial, jadi kalau terdapat begitu, saya ingat kawan saya di tepi ini (*kepada Y.B Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*) mungkin dapat mengambil tindakan berserta dengan Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada padi-padi yang dikeluarkan di Tanjong Karang boleh dijual di luar. Lazimnya mereka hendaklah mendapatkan permit dahulu untuk mengeluarkan padi-padi ini dari kawasan tersebut. Pengedaran padi dari satu tempat ke satu tempat adalah dikawal, walau bagaimanapun tidak dapat dipastikan sama ada ia mendapat permit atau tidak mendapat permit, saya pun tidak tahu, tetapi saya akan cuba

menyelesaikan perkara ini, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan telah meminta kerajaan meningkatkan kadar subsidi untuk membantu petani-petani, menggazetkan kawasan bendang menjadi 'green belt' dan memperketatkan Akta Pengambilan Tanah Pertanian. Begitu juga dengan Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman yang menggesa kerajaan tidak menghentikan subsidi dalam bidang pertanian terutama padi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini kerajaan tidak bercadang menambah kadar subsidi padi kepada petani-petani sama ada bagi subsidi harga padi, subsidi baja padi dan lain-lain subsidi tanaman, memandangkan kadar subsidi yang diberi buat masa ini adalah mencukupi dan sesuai dengan keperluan semasa dan amalan penanaman masa kini.

Adalah dimaklumkan bahawa buat masa ini pihak kerajaan telah membelanjakan hampir RM500 juta setahun dalam bentuk pemberian subsidi harga padi dan juga subsidi baja padi. Jika diambil kira program-program pembangunan infrastruktur khususnya kemudahan pengairan dan lain-lain bantuan yang diberikan kepada petani-petani, peruntukan tahunan yang disediakan oleh kerajaan adalah lebih tinggi lagi.

Sehubungan dengan itu, strategi utama kerajaan ialah untuk meningkatkan produktiviti hasil keluaran petani dan meningkatkan kecekapan mereka melalui pembangunan prasarana khususnya kemudahan pengairan, penyusunan semula sistem dan struktur pengeluaran ladang melalui perladangan berkelompok, pengamalan pengurusan ladang yang baik, penggunaan benih bermutu dan peningkatan teknologi melalui penyelidikan dan pembangunan.

Dalam jangka masa panjang, kerajaan berhasrat mengurangkan pergantungan petani-petani kepada subsidi, di samping menggalakkan amalan pertanian yang cekap dan komersil bagi meningkatkan lagi daya saing sektor pertanian negara. Ini adalah juga bersesuaian dengan trend ke arah globalisasi dan liberalisasi perdagangan antarabangsa terutamanya dengan keperluan dan persetujuan di bawah GATT dan WTO. Namundemikian, kerajaan tidak bercadang untuk menghentikan serta-merta pemberian semua subsidi pertanian terutamanya subsidi mengenai padi. Perkara ini akan dikaji semasak-masaknya dan satu mekanisma yang adil akan ditentukan supaya tidak mendatangkan bebanan dan kesusahan kepada petani-petani.

Mengenai isu penukaran penggunaan tanah-tanah sawah untuk lain-lain kegunaan seperti perumahan dan industri, pihak kerajaan memang sedar dan memandang serius tentang perkara ini. Oleh itu pihak kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk mengawasi perkara ini. Cadangan telah pun dikemukakan kepada kerajaan bagi mewartakan tanah-tanah sawah khususnya di kawasan-kawasan jelapang padi untuk memastikan keluaran tanaman dan pengeluaran padi tidak terjejas.

Pada dasarnya perkara-perkara yang berhubung dengan tanah termasuk syarat kegunaan dan pengambilan balik tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil tindakan untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960, bertujuan untuk memperbaiki syarat-syarat pengambilan balik tanah khususnya untuk memberi peluang kepada tuan punya tanah untuk sama-sama mendapat manfaat daripada projek yang akan dilaksanakan oleh pihak swasta yang terlibat dalam pembangunan tanah petani.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sahabat karib saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita patut ubah perkataan 'subsidi' kepada petani-petani kerana kalau kita boleh beri tax holiday, kita boleh beri itu, ini kepada investors yang masuk ke dalam negara. Sebenarnya kita bukan memberi subsidi kepada petani-petani, kerana mereka adalah orang yang bertanggungjawab kepada kita untuk makan nasi (beras). Maknanya kalau orang tidak mahu menanam padi, kita hendak makan apa? Jadi, saya mengharapkan supaya kalau kerajaan boleh memberi tax holiday dan sebagainya kepada pelabur (investor), apa salahnya kalau kita beri juga, kita jangan panggil 'subsidi', kita panggil lain ataupun 'ganjaran' kepada petani-petani yang bersawah untuk kita makan nasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini harga sewa bendang pun sudah naik serelongs RM400, kalau dahulu tidak apa orang menggunakan kerbau untuk membajak sawah, tetapi sekarang ini menggunakan traktor. Kalau dahulu kita 'dok cak-cak' belakang dia, dia berjalan, habis kalau dia geram, dia jegil pada taukenya. Tetapi sekarang ini menggunakan Kubota,.....

**Seorang Ahli:** Kerbau buta!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha! Kerbau pula, kerbau buta. Ikut sahaja kita bawa ke mana dia ikutlah. Jadi, hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kos sudah naik, kos pengangkutan, kos itu,

kos ini sudah naik dan saya tidak nafikan MADA melalui kerajaan dia memberi bantuan untuk memperbaiki jalan, tali air dan sebagainya. Jadi, banyak rungutan daripada pak tani-pak tani, Tuan Yang di-Pertua, yang mengatakan bahawa mereka ini orang kata 'ala kadar' boleh hidup. Kalau buat dua relongs, masih lagi dia termasuk di bawah PPRT, bermakna pendapatan tidak seberapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan cepat buat kajian, tanam 5 kali dalam jangka masa 2 tahun, kalau tidak, kita akan mengimport beras. Sekarang ini kita tengok tadi, Yang Berhormat kita bising mengenai beras super.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat, untuk membetulkannya saya makan beras yang rakyat makan. Saya ini Wakil Rakyat, jadi, saya susah atau senang adalah bersama rakyat. (*Tepuk*) Jadi, saya makan beras yang mana rakyat di kawasan saya makan. Jadi, yang depa dok tunggu saham super, kalau naik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan beri inisiatif yang lain. Macam saya kata, tidak boleh beri duit tentang harga beras, berilah padi, berilah ganjaran harga baja ataupun racun serangga dan sebagainya kerana ini membebankan. Dan saya boleh katakankan di sini 85% pak-pak tani adalah dari golongan orang-orang veteran, pelapis muda tidak ada. Jadi, bila depa ini meninggal dunia, maka bendang-bendang ini akan menjadi rang dan masa itu kita akan banyak import beras dari luar negara dan ini akan membebankan kerajaan dari segi pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, saya ambil masa sedikit kerana kalau saya tidak bercakap fasal ini, bila saya balik kampung depa marah fasal saya orang kawasan bendang.



Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kawasan bendang ini, banyak sudah, walaupun kita gazet green belt dia sudah jadi industry belt—depa ubah, depa tidak kira kawasan ini kawasan green belt untuk bendang dan sebagainya. Jadi, apakah ketegasan pihak kementerian untuk memastikan bahawa jangan usik kawasan-kawasan bendang, kerana kalau kita ambil serelong kita sudah rugi berapa pikul, lama-lama kita hendak makan apa? Saya hendak tanya, kita hendak makan apa bila beras tidak ada? Kalau kita ada duit pun, makanan tidak ada, hendak buat apa? Macam di Russia, hendak beli roti seketul pun tunggu tiga jam—duit adalah. Inilah pandangan saya sebelum Tuan Yang di-Pertua memberitahu kepada saya. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya ini?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan itu baik, bernas dan memanglah pihak kementerian faham sangat tentang perkara ini, tetapi saya hendak kata satu, yang susahnya tentang padi ini ialah kerana kita mengusahakan tanah yang kecil—2 relong, 3 relong dan seekar atau dua ekar. Kalau kita buat sawah itu besar, katalah seorang peladang itu ada 5 ekar, 6 ekar atau 10 ekar, insya-Allah, bekalan dan pendapatan akan meningkat. Tetapi yang susahnya ialah kawasan yang diusahakan itu adalah begitu kecil sekali disebabkan adanya tanah pusaka—10 relong, anak 5, dari lima jadi dua, yang dua ini ada anak 5, ada anak 4 setengah relong pula. Sebab itulah kita terpaksa meneliti perkara ini disebabkan padi ini adalah satu benda yang kita boleh dapat duit kalau kita ada tanah yang luas. Misalnya di Amerika atau di Australia yang tanah seseorang petani itu mungkin 200 ekar—yang mungkin tidak ada di sini, mereka baja dengan cara menabur dari kapal terbang—mungkin kita satu hari nanti akan mengeluarkan hasil petani ini akan melibatkan diri dalam bidang perindustrian.

Berkenaan dengan bendang yang sudah ditukar—ini adalah hak kerajaan negeri dan kami telah berbincang dengan kerajaan negeri melalui perjumpaan dengan exco-exco pertanian negeri dan kami telah telah mengatakan kalau hendakkan ia diubah syarat, boleh diubah syarat, tetapi kalau boleh cari tempat yang bersesuaian untuk ditukar syarat ataupun dia tukar kepada bendang di kawasan lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu pula telah meminta supaya kerajaan meneliti masalah yang dihadapi oleh nelayan di seluruh negara terutama dalam mengawal pencerobohan serta bertindak memodenkan bot-bot laut dalam. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin akan masalah pencerobohan, terutamanya dari segi vesel-vesel penangkapan ikan asing. Pencerobohan ini dipercayai berlaku kerana perairan perikanan Malaysia kaya dengan sumber-sumber perikanan. Namun begitu, pencerobohan dari vesel-vesel penangkapan ikan tempatan adalah terkawal.

Sehubungan dengan ini, agensi-agensi penguatkuasaan maritim seperti Jabatan Perikanan, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia sering menjalankan rondaan penguatkuasaan di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif. Di samping itu bantuan dari Unit Udara Polis, Tentera Udara Diraja Malaysia dan pengawasan udara oleh Jabatan Perikanan Malaysia juga telah banyak membantu dan mengawal aktiviti pencerobohan vesel-vesel penangkapan ikan asing ini. Selain dari itu juga, kerajaan akan membekalkan peralatan sistem komunikasi kepada nelayan-nelayan tempatan (SISKON) yang beroperasi di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif untuk membolehkan mereka melaporkan sebarang kegiatan pencerobohan nelayan asing kepada pihak berkuasa agar tindakan segera dapat diambil. Hasil dari rondaan

yang berterusan pada tahun 1995, sebanyak 126 buah vesel nelayan asing telah ditahan kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

Di samping itu juga, kerajaan sentiasa berusaha untuk memodenkan industri perikanan laut dalam di Malaysia. Beberapa langkah proaktif telah diambil bagi membantu memodenkan bot-bot laut dalam bagi membolehkan mereka memperkembangkan aktiviti penangkapan mereka di perairan antarabangsa, khususnya bagi menangkap ikan yang bernilai tinggi seperti ikan tuna. Antara langkah yang telah diambil ialah menggalakkan nelayan-nelayan tempatan menggunakan peralatan dan teknologi yang canggih bagi membolehkan mereka beroperasi di Zon Ekonomi Eksklusif. Di samping menggalakkan nelayan tempatan menggunakan kepakaran pekerja asing di dalam industri perikanan, Jabatan Perikanan juga telah menyediakan peluang latihan kepada nelayan di atas kapal-kapal latihan yang berteknologi tinggi bagi membolehkan mereka menimba pengalaman dan pengetahuan di dalam industri perikanan laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada saranan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih supaya tanah rizab haiwan dibuka kepada penduduk luar bandar, sukacita dimaklumkan bahawa tanah rizab berkenaan adalah hak milik negeri dan sememangnya dirizabkan untuk kepentingan penduduk luar bandar bagi maksud penternakan. Kementerian Pertanian berpendirian keluasan tanah yang diperuntukan untuk penternakan haiwan hendaklah dikekalkan bagi tempoh masa yang panjang, agar kemampuan negara mengeluarkan ternakan dan hasilnya akan terus terjamin demi kepentingan bekalan makanan kepada rakyat. Namun begitu, Kementerian Pertanian memang menggalakkan penternak atau pengusaha persendirian untuk mengemukakan cadangan projek

ternakan di atas rizab haiwan berkenaan melalui konsep penswastan tertakluk kepada persetujuan kerajaan negeri berkenaan.

Ahli dari Seremban telah membangkitkan bahawa negara sedang menghadapi masalah kekurangan makanan. Di bawah Dasar Pertanian Negara kita mempunyai kadar sara diri (self-sufficiency level) bagi kebanyakan makanan adalah melebihi dari keperluan-keperluan negara seperti buah-buahan, daging ayam, telur dan khinzir. Bagi makanan lain seperti ikan, sayur dan beras, kadar sara diri adalah di antara 70% - 90%. Ini bermakna kadar import bagi makanan-makanan tersebut adalah rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan makanan yang diimport adalah bagi keluaran pertanian dan makanan yang tidak dapat dikeluarkan secara ekonomi di negara ini seperti daging lembu, kambing, hasil tenusu, buah-buahan dan sayur-sayuran yang beriklim sederhana dan barangan bijiran seperti gandum.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah mengesyorkan peningkatan produktiviti dalam sektor pertanian dan pengesanan tanah-tanah terbiar, di samping mengesyorkan polisi pengeluaran padi dikaji semula dan pengusahaan pertanian dilaksanakan dengan teliti supaya tidak memberi kesan kepada ekosistem.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian sentiasa akan mempergiatkan lagi usaha untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian terutama sekali dalam pengeluaran makanan. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) menggalakkan petani-petani menggunakan kaedah moden seperti menanam sayur di bawah moden rumah pelindung hujan (rain shelter);

- (ii) menggalakkan petani-petani kecil bekerjasama dan mengusahakan tanah secara berkelompok dalam usaha mempertingkatkan mekanisme;
- (iii) mempergiatkan aktiviti pembangunan mengenai penggunaan racun dan pengurusan perosak bersepadu; dan
- (iv) membekalkan klon-klon buah-buahan yang bermutu tinggi.

Dalam usaha memodenkan sektor pertanian dan juga untuk meningkatkan produktiviti, kerajaan telah memansuhkan dan mengurangkan cukai import untuk beberapa jenis jentera pertanian dan alat ganti. Sebagai contoh alat ganti untuk pedestrian tractor, 4-wheel tractors serta combine harvesters telah dimansuhkan. Dalam Belanjawan tahun 1996, kerajaan juga telah memberi pengecualian import ke atas peralatan-peralatan tertentu dan input secara langsung yang digunakan dalam aktiviti pengeluaran makanan secara komersil atau berkelompok.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar, program pemulihan tanah terbiar sedang dilaksanakan oleh Felcra secara bersepadu. Usaha akan dipertingkatkan untuk memulihkan tanah-tanah terbiar memandangkan tanah-tanah baru untuk tujuan pertanian adalah terhad khususnya di Semenanjung Malaysia.

Mengenai tanaman padi, Kementerian Pertanian telah dan akan melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan hasil padi. Ini termasuklah usaha-usaha seperti meningkatkan intensiti tanaman, meningkatkan daya pengeluaran kawasan yang sedia ada dan pengeluaran secara komersil. Kementerian juga telah merancang beberapa strategi supaya purata hasil padi dapat ditingkatkan dari 3.5 tan metrik sehektar kepada 6 hingga 7 tan metrik sehektar melalui penggunaan benih

yang bermutu, kawalan makhluk perosak bersepadu, meratakan kawasan sawah serta melalui pengurusan air yang efisien. Melalui usaha-usaha di atas, kerajaan yakin bahawa pengeluaran padi di lapan kawasan jelapang padi yang sedia ada akan dapat sekurang-kurangnya memenuhi 65% keperluan beras negara.

Kementerian sedar bahawa perusahaan akuakultur yang tidak terkawal akan menjejaskan alam sekitar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar, kementerian sedang menyediakan garis panduan untuk memastikan perusahaan akuakultur dibangunkan di kawasan-kawasan yang sesuai dan dilaksanakan secara teratur berdasarkan sistem ternakan yang sesuai untuk mengambil kira kepentingan alam persekitaran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Muar telah mengesyorkan supaya MARDI dikorporatkan memandangkan hasil-hasil kajian atau penyelidikan MARDI didapati tidak berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keberkesanan penggunaan teknologi dalam memajukan sesebuah industri, termasuk industri pengeluaran makanan dan pertanian, amat memerlukan sokongan dari faktor-faktor seperti dasar kerajaan, infrastruktur, modal, sistem pemasaran, input pengeluaran, teknologi dan industri-industri sokongan. Hasil penyelidikan atau teknologi MARDI selama ini didapati digunakan secara meluas oleh sektor pekebun dan pengusaha kecil seperti dalam penanaman padi dan tanaman makanan lain, serta industri kecil dan sederhana makanan tetapi amat terhad oleh pihak swasta khususnya secara komersil dan besar-besaran. Usaha-usaha untuk menarik keyakinan dan minat pihak swasta telah pun dimulakan semenjak Akta MARDI diubah yang membolehkannya menjalankan

penyelidikan dan pengeluaran secara komersil oleh Parlimen pada tahun 1990.

MARDI juga telah memulakan persiapan untuk dipertimbangkan sebagai sebuah institusi korporat menjelang tahun 2000. Tindakan ini dipercayai dapat meningkatkan keberkesanan MARDI dalam menyokong pembangunan industri pengeluaran makanan dan pertanian negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengesyorkan supaya harga ayam dikaji setiap minggu dan bukan setiap bulan. Harga ini perlu disesuaikan dengan harga makanan ayam. Pihak swasta dan kerajaan perlulah membuat penyelarasan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan harga ayam dibuat sekali sebulan adalah bertujuan menstabilkan harga serta bekalan dan kaedah berkenaan baru sahaja dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pertanian telah pun menerima beberapa pandangan serta permohonan dari pihak penternak supaya urusan penetapan harga dibuat kembali setiap minggu. Segala pandangan serta kesan penetapan harga sebulan sekali sedang dikaji dan jika didapati perlu perkara ini akan dikemukakan untuk dipertimbangkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang meminta Kementerian Pertanian memberi perhatian ke atas jambatan-jambatan kayu yang ada di sawah-sawah tidak sesuai lagi digunakan oleh jentera-jentera juga jalan-jalan ladang dan jalan dalam 'ban pakat' di sawah perlu diganti dan diperbaiki. Juga beliau merayu peruntukan yang lebih diberi kepada IADP Barat Laut Selangor untuk menjaga dan memperbaiki jalan-jalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian

memang memberi perhatian kepada keadaan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan ladang dan jambatan-jambatan yang digunakan oleh jentera-jentera pertanian terutamanya di kawasan tanaman padi. Sehubungan ini Kementerian telah memperakukan peruntukan kepada IADP Barat Laut Selangor di bawah RMK-7 bagi tujuan menaikkan taraf jalan-jalan ladang dan jambatan yang sedia ada. Melalui program ini, jalan-jalan tersebut akan diperbaiki, dilebar dan diperkukuhkan bagi membolehkan jentera-jentera yang lebih besar digunakan bagi membantu usaha-usaha pertanian di kawasan itu.

Penggunaan jalan-jalan ladang dan jambatan tersebut adalah bergantung kepada tahap penyelenggaraan yang dilaksanakan. Berkaitan dengan operasi dan penyelenggaraan jalan-jalan ladang dan jambatan di IADP Barat Laut Selangor, berasaskan kepada peraturan sekarang, kerajaan negeri adalah bertanggungjawab ke atas kerja-kerja tersebut dan Kementerian Pertanian berharap agar kerajaan negeri terus membantu dalam usaha ini supaya keadaannya sentiasa baik dan boleh digunakan oleh jentera-jentera pertanian pada setiap masa.

Dengan itu, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberi perhatian kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian.

Bagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab, saya akan menentukan supaya perkara-perkara tersebut diambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dijemput Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

5.59 ptg.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, Bagan dan Bukit Bintang telah membangkitkan isu berkaitan dengan kenaikan harga barangan seperti ayam dan simen dan juga kenaikan tarif telefon dan elektrik serta mempertikaikan keberkesanan Kempen Inflasi Sifar.

Berhubung dengan keberkesanan Kempen Inflasi Sifar, suka saya menegaskan sekali lagi bahawa kempen ini merupakan matlamat jangka panjang yang ingin dicapai. Ianya juga bertumpu kepada 75 jenis barangan dan perkhidmatan asas yang biasanya digunakan oleh golongan berpendapatan rendah iaitu RM1,500 sebulan ke bawah. Kerajaan kini sedang berusaha mengadakan indeks harga pengguna berasingan bagi barangan dan perkhidmatan tersebut untuk membolehkan pengawasan yang lebih rapi dibuat ke atas perubahan harga barangan dan perkhidmatan tersebut supaya langkah-langkah yang sesuai dapat diambil. Kempen ini bertujuan menentukan supaya kuasa beli golongan berpendapatan rendah tidak terjejas dan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dapat memberi manfaat kepada semua

lapisan masyarakat serta meningkatkan taraf hidup rakyat pada keseluruhannya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh usaha memerangi inflasi akan diteruskan melalui dasar kewangan dan dasar fiskal yang bersesuaian serta langkah-langkah pentadbiran dan penyesuaian penawaran. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna khususnya akan terus mengawal atau mengawasi harga barang-barang perlu dan dengan kerjasama kementerian-kementerian serta agensi-agensi kerajaan yang lain, serta pihak-pihak pengeluar berusaha untuk meningkatkan bekalan dengan harapan bekalan yang mencukupi akan menstabilkan harga pada paras yang berpatutan. Usaha meningkatkan bekalan ini termasuklah untuk mengatasi kekurangan bekalan simen akibat pertumbuhan pesat industri pembinaan di negara kita. Dalam hal ini harga simen telah terpaksa dinaikkan sebanyak 10% mulai 14hb Ogos tahun sudah untuk menggalakkan pengeluar-pengeluar meningkatkan keupayaan dan pengeluaran masing-masing.

Kerajaan telah juga membenarkan pengimportan simen tanpa duti. Orang awam hendaklah melaporkan kepada kementerian dengan segera sekiranya mana-mana pengeluar atau peniaga didapati menjual simen melebihi harga yang diluluskan. Berhubung dengan harga ayam pula, harganya jatuh tempoh hari kerana bekalan ayam daging yang berlebihan berpunca daripada pihak penternak tidak menerima nasihat Jabatan Perkhidmatan Haiwan berkaitan perkara ini. Kini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Pertanian telah pun mengadakan perbincangan mengenai kekerapan penamatan harga ayam yang didakwa merupakan barangan mudah rosak dan memerlukan tindakan segera dalam penentuan harga pasaran. Suka saya memaklumkan bahawa cadangan

kajian harga secara mingguan bukan sahaja bagi tujuan kenaikan harga tetapi juga bagi penurunan harga akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kementerian akan mempertingkatkan lagi program dan aktiviti yang dijalankan di bawah Kempen Anti Inflasi. Ini termasuklah Program Pengiktirafan Kedai-kedai Harga Patut, menggalakkan jualan murah barangan asas pada hari Inflasi Sifar, penyebaran maklumat pusat maklumat harga bagi meningkatkan pengetahuan pengguna dan membolehkan pengguna membuat perbandingan harga, mengoperasikan sistem amaran awal harga supaya tindakan awal untuk mengatasi masalah bekalan boleh diambil.

Di samping langkah-langkah di atas, seminar-seminar pendidikan pengguna bagi meningkatkan kesedaran kepenggunaan dan juga seminar-seminar etika perniagaan bagi meningkatkan kesedaran pentingnya peniaga-peniaga menjalankan perniagaan masing-masing mengikut undang-undang serta bertanggungjawab sosial akan diadakan. Kerajaan akan sentiasa menggalakkan perniagaan yang baik dan sektor swasta digalakkan mengadakan serta mengamalkan kod etika bagi kumpulan peniaga dan profesion masing-masing.

Di samping itu, kementerian akan terus menguatkuasakan undang-undang di bawah pentadbirannya serta membuat pemeriksaan di bawah operasi-operasi tertentu ke atas premis-premis perniagaan untuk mencegah segala bentuk penyelewengan di kalangan peniaga. Di sepanjang tahun 1995, kementerian telah menjalankan pemeriksaan ke atas 479,333 premis perniagaan dan bagi tahun 1996 sasaran pemeriksaan ialah 500,000 premis perniagaan. Sehingga 18 Mei 1996, kementerian telah membuat pemeriksaan ke atas 195,029 premis perniagaan dan

mengambil tindakan undang-undang ke atas 355 atau 1.6% peniaga yang melibatkan barangan rampasan bernilai RM2,200,045 dan denda sebanyak RM162,295. Butir-butir lanjut pemeriksaan yang telah dibuat adalah seperti berikut.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Menteri, Jelebu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang pemeriksaan-pemeriksaan premis-premis perniagaan. Adakah kementerian juga membuat pemeriksaan-pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan kenderaan-kenderaan terpakai? Ini kerana kita dapati bahawa kenderaan-kenderaan terpakai yang telah dijual oleh pemilik kepada kedai-kedai kenderaan terpakai, kebanyakannya telah diselewengkan.

Dari segi perundangan dan peraturan mengikut Akta Pengangkutan Jalan, apabila kenderaan itu telah dijual dalam tempoh 14 hari, haruslah dan wajib ditukar hakmilik kepada pemilik baru. Apa yang berlaku sekarang ini ialah penjual menjual kenderaan kepada kedai kenderaan terpakai tetapi pekedai-pekedai tidak menukar milik daripada penjual kepada syarikat kereta terpakai berkenaan, malah berlanjutan sehingga 3-4 bulan dan malah ada yang setahun, kenderaan tersebut masih lagi belum bertukar milik, walaupun ianya belum terjual. Jadi, ini menimbulkan permasalahan kepada pemilik yang asal di mana kadang-kadang kenderaan itu disalahgunakan oleh kakitangan daripada syarikat kenderaan terpakai, apabila road-taxnya masih berkuatkuasa kadang-kadang saman polis trafik, JPJ ataupun kerajaan tempatan pun didatangkan kepada pemilik asal.

Selain daripada itu, kadang-kadang terdapat installment kepada syarikat-syarikat kewangan tidak dibayar oleh pemilik baru ataupun pembeli daripada syarikat kewangan berkenaan.

Jadinya, ini menimbulkan permasalahan kepada penjual dan juga pemilik asal dan saya juga ingin bertanya adakah satu perbincangan dibuat dengan Kementerian Pengangkutan, bagaimanakah masalah ini dapat diatasi supaya pemilik-pemilik kenderaan yang dijual, pemilik asal kenderaan tersebut dapat pembelaan dan sebagainya? Terima kasih.

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Jelevu yang menimbulkan perkara yang berkenaan. Sebelum saya memberi penjelasan sedikit, saya ingin memberi butir-butir lanjut berkaitan dengan pemeriksaan yang telah dibuat iaitu seperti berikut:

- (i) Ops Kokok iaitu tindakan berkaitan dengan industri ayam. Bilangan premis yang diperiksa ialah sebanyak 33,411;
- (ii) Ops Konkrit berkaitan dengan industri simen sebanyak 5,044 pemeriksaan;
- (iii) Ops Budget - berkaitan dengan Belanjawan 1996 sebanyak 13,040 pemeriksaan;
- (iv) pemeriksaan biasa sebanyak 139,990; dan
- (v) Ops Muhibah yang dilaksanakan di Sabah dan di Sarawak berkaitan dengan Pesta Keamatan dan Gawai sebanyak 3,144 berjumlah sebanyak 195,029 iaitu setakat 18hb Mei 1996 ini.

Dari pemeriksaan biasa, sebanyak 139,990, ini termasuklah pemeriksaan bagi premis-premis perniagaan kereta sepertimana yang disebutkan oleh Ahli

Yang Berhormat sebentar tadi. Dari pemeriksaan biasa ini kita memeriksa semua jenis perniagaan yang dijalankan di dalam negara kita. Tetapi saya tidak dapat memberi angka berapa banyak premis perniagaan kereta terpakai diperiksa dalam pemeriksaan biasa ini, tetapi termasuk premis-premis berkenaan.

Memang kita telah maklum berkaitan apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi iaitu ada pihak-pihak penjual kereta ini tidak menukar milik kenderaan yang berkenaan kepada pembeli dalam tempoh yang tertentu dan ada juga kita menerima aduan berkaitan perkara ini, termasuk juga aduan bahawa installment atau pun bayaran dari segi pinjaman tidak dibayar oleh penjual kereta terpakai kepada syarikat kewangan.

Jadi, ini adalah satu penipuan dan satu perkara yang serius, bukan sahaja dipandang dari segi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, tetapi juga dari segi kementerian-kementerian yang lain iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan dan sebagainya dan oleh itu tindakan yang tertentu diambil terhadap mereka yang berkenaan.

Jika di bawah Akta Kewangan yang melibatkan tidak membayar kepada syarikat kewangan berkenaan, maka Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan dan juga jika perkara berkaitan dengan pengangkutan akan diambil tindakan di bawah Kementerian Pengangkutan.

Dari segi Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kita akan mengambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan kerana perkara ini melibatkan penipuan dan oleh itu jika Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mempunyai maklumat yang tertentu, pihak kami bersedia untuk menerima dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menguatkuasakan undang-undang secara bersepadu dengan Kementerian Kesihatan dan pihak penguasa tempatan terhadap gerai-gerai makanan di Pulau Pinang bagi membantu mengawal penyakit taun.

Kementerian ini sentiasa bersedia memberikan kerjasama dengan mana-mana kementerian, jabatan dan agensi lain, termasuk juga badan-badan kerajaan dan badan-badan berkanun bukan kerajaan dalam usaha melindungi hak dan kepentingan pengguna, termasuk dalam kes taun ini.

Cawangan Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Pulau Pinang di Butterworth dan tempat-tempat yang lain telah pun diarah untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan dan juga kepada pihak berkuasa tempatan untuk membantu dalam masalah wabak taun yang sedang berlaku pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan sektor perdagangan borong dan runcit dijangka akan menyumbang kepada sebanyak RM12.7% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dalam jangka masa Rancangan Malaysia Ketujuh. Kementerian akan terus mengawasi perkembangan perdagangan borong dan runcit, termasuk melaksanakan garis panduan penyertaan asing dalam sektor ini untuk menentukan perkembangan sektor ini teratur dan adil. Ini juga bagi memastikan rakyat tempatan, termasuk peniaga-peniaga bumiputera turut menikmati perkembangan yang berlaku, di samping menggalakkan teknik pengurusan dan teknologi baru bagi memoden dan meningkatkan keefisienan sektor ini.

Seterusnya, kerajaan telah mengenalpasti pembangunan hartai intelek sebagai salah satu strategi untuk menjadikan negara antara pusat teknologi dan sains termoden di dunia, terutama sekali....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Balik Pulau bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Sebelum Yang Berhormat Menteri pergi kepada perkara yang lain, saya ada bangkitkan pada masa perbahasan, pertanyaan tentang apakah konsep jangka panjang pasar malam yang hendak kita wujudkan di negara kita ini memandangkan ini merupakan satu subsektor dalam perniagaan runcit dan kita merasakan ianya sedang berkembang dan merebak pada pengamatan kita pada tahap yang agak tidak terkawal dari segi apa hendak jadi padanya.

Ianya terkawal dari segi perlesenan oleh pihak berkuasa tempatan dan penguatkuasaan di bawah kuasa-kuasa Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran, tetapi kita ingin, untuk tujuan pengawalseliaan dan untuk tujuan pengawalan pasar malam ini, kita ingin mendapat satu penjelasan daripada kementerian tentang akhirnya kalau kita tengok lagi 20 tahun ke hadapan, pasar malam ini hendak jadi macam mana? Hendak jadi macam sekarang di mana ianya sesuatu yang transitory - ada satu kawasan yang bukan untuk tujuan perniagaan pada hari dan waktu yang tertentu, maka datanglah orang dan berniaga di situ. Selepas itu, ia berubah pula ke tempat lain.

Jadi, konsep pasar malam ini ialah konsep perniagaan yang dijalankan pada



satu tempat yang bukan dibina dan disediakan untuk tujuan perniagaan, tetapi hanya sebagai waktu-waktu dan hari-hari yang tertentu sahaja. Jadi, perkara macam ini, walaupun ianya satu kegiatan ekonomi yang membantu orang yang terlibat untuk meningkatkan pendapatannya, tetapi dari segi evolusinya, kita ingin satu pendekatan, macam mana hendak jadi. Adakah kita hendak biarkan ia berterusan dalam keadaan yang seperti sekarang ataupun kita hendak adakan pembaharuan dari segi macam mana kita hendak bentuk ataupun hendak membantu untuk membentuk perniagaan pasar malam? Yang itu ada saya timbulkan pada masa perbahasan.

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana perkara ini tidak diberi pengetahuan kepada saya untuk dijawab. Walau bagaimanapun, ingin saya menyatakan iaitu masalah pasar malam ini memang, sepertimana diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat, merupakan satu perniagaan runcit yang tidak menetap ataupun transitory, tetapi mengikut sejarahnya telah memberikan kemudahan yang amat menggalakkan, pertama kepada peniaga-peniaga kecil dan seterusnya kepada pengguna-pengguna di seluruh negara yang boleh membeli barangan keperluan dengan harga yang berpatutan kerana "overheads" dan lainnya bagi peniaga-peniaga tersebut adalah amat rendah.

Dan ini memang benar melibatkan banyak pihak ataupun agensi-agensi kerajaan iaitu selain daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak berkuasa tempatan, maka ianya juga melibatkan Kementerian Pertanian dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan sudah pasti bahawa ia melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana dari segi pelesenan perniagaan,

tanda harga dan juga dari segi perihal dagangan dan lain-lainnya.

Oleh itu, pihak kementerian akan mengadakan perbincangan yang tertentu dengan mereka yang telah saya sebutkan sebentar tadi untuk menggariskan masa depan industri ataupun konsep pasar malam kerana kita ingin melihat iaitu adanya pertama, permodenan dari segi jualan runcit melalui pasar malam ini, dan di samping itu untuk memastikan iaitu kedua-dua pihak peniaga dan pengguna melaksanakannya dalam keadaan yang memuaskan kepada kedua-dua pihak. Jadi, kementerian akan mengambil tindakan yang selanjutnya berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkaitan dengan harta intelek sebentar tadi kerana negara kita pada masa kini menjadi sebuah negara pusat teknologi dan sains termoden di dunia. Dengan adanya rancangan untuk kita mengadakan multimedia super corridor dan intelligent city iaitu Putrajaya dan seterusnya dengan peningkatan dari segi internet dan jaring dan lain-lainnya yang digunakan dalam negara kita ini.

Oleh itu, kita bukan sahaja telah menandatangani perjanjian mengenai harta intelek iaitu TRIPS dan dijangka melaksanakan dengan lebih tegas peruntukan yang berkaitan dengan perlindungan terhadap instrumen utama pemindahan teknologi iaitu seperti paten, cap dagang, hak cipta, pengetahuan teknologi dan reka bentuk perindustrian (industrial design). Malaysia seperti negara-negara membangun yang lain telah diberikan lima tahun untuk melaksanakan tanggungjawab di bawah perjanjian ini yang termasuk:

- (i) meminda undang-undang paten, cap dagangan, kastam dan perihal dagangan yang sedia ada;
- (ii) menggubal undang-undang baru mengenai hak pelaku reka bentuk

perindustrian, dengan izin, layout design of integrated circuits and plan varieties; dan

- (iii) menambah tenaga pekerja dan peruntukan kewangan serta memperbaiki prosedur untuk melaksanakan undang-undang yang sedia ada dan yang baru.

Untuk meningkatkan sistem perlindungan harta intelek dan memudahkan pengumpulan serta penyebaran maklumat harta intelek di negara ini, kementerian telah melaksanakan projek pengautomasian menyeluruh aktiviti dan pentadbiran prosedur cap dagangan dan paten mulai bulan Disember 1995. Projek ini yang dikenali sebagai PANTAS iaitu dengan izin, Patent and Trademark Automated System, dijangka selesai pada awal tahun 1997.

Seterusnya sistem baru yang akan diwujudkan ialah sistem memproses imej ataupun Document Image Processing System yang akan menggabungkan semua maklumat cap dagangan dan paten dan meliputi perkataan, nombor, huruf dan gambar dalam satu sistem imej. Dengan cara ini kesemua maklumat akan disatukan ke dalam satu media dan seterusnya proses pemeriksaan atau carian menjadi lebih mudah, cepat dan tepat melalui komputer. Proses pendaftaran, penerbitan jurnal, urusan pertanyaan dan semakan dapat dijalankan dengan cepat dan berkesan dan sebarang pertanyaan boleh juga dilakukan di luar pejabat iaitu dengan menggunakan kemudahan dengan izin, workstation ataupun mesin faksimili.

Pendek kata, dengan pelaksanaan projek ini kelak akan wujud satu sistem pengurusan harta intelek yang berkesan dari segi peningkatan teknologi harta intelek dan penyebaran maklumat serta menggalakkan kesedaran orang ramai mengenai perlindungan harta intelek. Di

akhir projek, sebuah pusat maklumat harta intelek yang lengkap akan diwujudkan untuk menyediakan maklumat-maklumat terkini kepada pihak industri, para saintis, pihak universiti dan institusi penyelidikan. Pusat maklumat ini juga akan berupaya membantu generasi muda dan persatuan-persatuan pereka ciptaan dalam pembelajaran reka cipta di sekolah-sekolah dan menjadikannya mudah dan dapat dilaksanakan dengan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berasa amat sukacita dengan apa yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh dan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas pandangan dan teguran-teguran yang telah dikemukakan itu. Sudah pasti bahawa teguran-teguran dan pandangan-pandangan tersebut akan menjadi asas dan panduan bagi kementerian melaksanakan tugas dan tanggungjawab diberikan kepadanya terutama sekali dalam program dan aktiviti-aktiviti dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan oleh itu memerlukan kerjasama yang sepenuhnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan sahaja dari segi masalah-masalah yang telah saya nyatakan tetapi keseluruhannya untuk membolehkan para pengguna dalam negara kita ini sentiasa dilindungi dan dijagai dan di samping itu berusaha untuk mengatasi masalah inflasi bagi memastikan kuasa beli pengguna dapat sentiasa dipertahankan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan.

6.28 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak

terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran serta saranan di sepanjang perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh. Seramai 49 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai isu pendidikan. Saya akan memberikan penjelasan secara am isu-isu yang utama dan mana-mana yang perlu secara spesifik sahaja.

Bagi tempoh 1996-2000, aspek pendidikan dan latihan terus diberi keutamaan dengan peruntukan pembangunan dan pembelajaran sebanyak RM10.1 bilion atau 15.4% daripada peruntukan pembangunan sektor awam berbanding 30% dalam Rancangan Malaysia Keenam. Peruntukan tersebut merupakan terbesar daripada segi peruntukan sektor awam dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan secara keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh isu-isu yang utama seperti berikut:

- (i) literasi komputer dan teknologi maklumat;

- (ii) pendidikan Islam;
- (iii) sekolah satu sesi;
- (iv) pengkorporatan dan pengswastaaan pendidikan;
- (v) pembangunan sumber manusia;
- (vi) usaha mempertingkatkan prestasi pelajar luar bandar;
- (vii) kemudahan pendidikan di luar bandar dan kebajikan warga pendidikan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa untuk hari ini cukup. Minta Yang Berhormat sambung esok.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*